Dr Mahathir bin Mohamad (Kota Star Selatan): Mr Speaker, Sir, I would like to comment on only one item in these supplementary estimates of expenditure. I am gratified to see that provision is made in the supplementary budget for the Police Field Force in the Federal Reserve Unit. The provision is timely as there are indications that the work of these Units is going to increase soon, and it is important that their welfare is taken care of notwithstanding the incident with the Press lately. The reason I say "risk", Mr Speaker Sir, is because of late there has been a change in tactics and also an intensification of the drive by certain racialist opposition to create disorder and destroy national unity in this country. If left unchecked, Malaysia may face if not race riots at least the type of distrust between races that will hamper the development of this country. Mr Speaker Sir, the change of tactics I referred to is the dissociation by the political parties concerned with certain disruptive political activities in this country. Normally, anti-American demonstrations, for example, would be carried out openly by the Labour Party, but now the demonstrations are seemingly without support by the Labour Party. Similarly, Sir, a new campaign has been launched, again apparently without endorsement by the political parties, among the students and teachers, designed to create ill-feelings between the races, in particular, the Malays and the non-Malays.

We have heard the rumours that with Indonesia-Malaysia friendship restored, the Chinese will be oppressed by the Malays. These rumours are given occasional boosts by the racialist opposition by oblique references to what they term as discriminatory practices in Malaysia. We had this performance when the Honourable Member for Batu yesterday referred to the appointments to the M.C.S. The question is

innocent enough, but the impression created, especially when the Honourable Member posed supplementary questions, is that Government discriminates against non-Malays in the Civil Service.

Mr Speaker, Sir, what are the facts regarding the Civil Service in the broadest sense, that is the people who man Government Departments and posts and draw wages from public funds? Our Government makes no secret as to who are employed, what are their ranks, division or post, and what are their personal emoluments. Every year the Government publishes a complete list of employees in Divisions One and Two with all the relevant details. There is, however, one detail that the Government omits in the Federal Establishment List and that is the racial classification of the officers. I have taken the trouble to analyse this list so as to expose the facts. The 1955 Establishment List in Divisions I and II shows a total of 3,638 officers drawing annual emoluments totalling \$34,630,424. This list does not include semi-government bodies like the N.E.B., Bank Negara, Port Commission, etc., where the policy of 3 to 1 ratio in favour of the Malays is not practised. I shall talk about these statutory bodies later. Of the 3,638 officers in the list, the total number of Malays is only 1,156 and drawing annual emoluments totalling \$11,154,552. From this, it is clear that the Malays far from holding three quarters of the posts make up less than one third of the Senior Government officers and draw less than one third of the total salaries paid out. Sir, we know that the Malays make up half the total population of mainland Malaysia. Yet despite an announced policy of favouring Malays in the Civil Service, the number of Malays actually employed by the Government in senior posts is far less than the proportion of citizens of Malay origin in this country, and their emoluments too show a corresponding disproportion.

Now, if in the purely administrative section of the Civil Service, that is the M.C.S., the three-to-one ratio is not

applied, without doubt there will be even less Malay officers than there are at present. Indeed, if the racial proportions of University students are any indication, there is every possibility that the Malaysian Government services might be manned solely by non-Malays. Here, of course, the Opposition will shout "but what does it matter if we are all Malaysians?". The short answer to this is that if racial origins do not matter then the Opposition and their underground supporters should not mind whatever proportion of Malays there are in the Government service. If it matters to the racialist Opposition, then it should matter to every one else. In other words, race is still an issue in this country. The Alliance Government recognises this and is attempting to correct an imbalance in wealth and employment opportunities and create an equitable society, which can engender a truly Malaysian spirit. The Opposition, on the other hand, is seeking ways and means to increase the ethnic differences between races by emphasising it with economic differences.

Mr Speaker Sir, it must be clear to everyone that in trying to do away with the so-called partiality to the Malays in Government service, what the Opposition means to do is to deprive the Malays, that is half the total citizens of this country, from holding even one-third of the posts that they have now. In this way, these Opposition parties hope that the non-Malays will back them, or at the least create trouble for the Alliance Government and split the Alliance party. I put it to the House, Sir, that the Opposition is frankly racialist and discriminatory against the Malays.

Sir, while the Opposition talks about discrimination in Government service, it is absolutely silent about the private sector. In the bigger business houses, by accident or by design, Malays are only employed as office boys. Non-Malay Banks are conspicuous by the almost total absence of Malays among the clerical and managerial staff, and this happens even when Malays are appointed as directors. Non-Malay industries are run exclusively by non-Malays. Yet, Sir, we know that in some

European banks, department stores and factories, a few Malays have been employed and have done well both in the clerical as well as in the managerial staff. In other words, there are capable Malays. It is the lack of consideration for Malays which is denying them job opportunities in these non-Malay concerns. If the Opposition is against discrimination, surely they should turn their attention to this side of the question as well. On the other hand, the semi-Government statutory bodies and corporations, which are usually headed by Malays, demonstrate clearly the impartiality of the Government. Bank Negara, Bank Bumiputra, National Electricity Board, FAMA and even MARA have a large proportion of non-Malay Staff. Indeed in Bank Negara and the National Electricity Board, the majority of the senior staff are non-Malays. I cannot get hold of a full list of the employees in these statutory bodies, but the Opposition can try and prove that I am wrong.

The Government is also accused of partiality towards the Malays because it has set up MARA, FAMA, and Bank Bumiputra. There has been a whispering campaign that these institutions show that the Malays dominate the Government and are using Government funds for their own advancement to the detriment of non-Malays. This malicious campaign has tended to widen even further the rift between Malays and non-Malays and will no doubt effectively prevent the creation of national unity.

Mr Speaker, Sir, I am willing to admit that in establishing these institutions like MARA, FAMA, the Alliance Government does appear to use Government funds to help the Malays and other *bumiputras*. However, it must be pointed out that MARA, FAMA, Bank Bumiputra and other such bodies are indirectly, and sometimes directly, helping non-Malays. Bank Bumiputra, for example, has financed quite a number of non-Malays, and so has MARA.

The projects that MARA has been involved in have indirectly benefited a lot of non-Malays. But, Sir, let us compare the funds made available

to these institutions to the funds allocated by Government to the M.I.D.F.L., Malaya/Borneo Building Society, Replanting Board and other Government-backed institutions intended to help Malaysian development. I know that Malays, too, are welcome to the financial aid these corporation can give, but we know that in practice they get practically nothing. The non-Malays are the people who benefited from the millions upon millions of Government dollars that these corporations handle. The money lent out by the M.I.D.F.L. and the Malaya/Borneo Building Society alone would make the "aid bumiputra" agencies look like a big joke. And in the M.I.D.F.L. and the Malaya/Borneo Building Society, the Malays do not even have the indirect benefit of job opportunities. If the Opposition and their underground wings are so interested in the discriminatory practices of the Bank Bumiputra, MARA, etc., why do they not take a similar interest in the workings of other semi-Government bodies which in effect discriminate against the Malays?

Mr Speaker, Sir, how wrong is this practice of openly favouring the Malays a little that the Alliance Government indulges in? I have already demonstrated that whenever discriminatory policies are carried out, they are usually corrective attempts at bringing about a fair and equitable situation where this is found lacking; and as we have seen, despite this policy, a fair and equitable society has not been established. The proportion of jobs, wealth and authority are still unevenly distributed, not only in the private sector but also in the Government sector. In fact, there is not only a need for discriminatory practice in Government service, but there should in fact be an extension of this practice into the private sector. I know the Opposition will say that the Government should show by example. But whereas it needs but a stroke of the pen to reduce the already small number of Malays in Government service, if the little discrimination is removed, in the private sector there will be so many evasions that the Government example will mean a total loss to the

Malays without any appreciable gain in employment opportunities elsewhere. Besides, Sir, we have in this House so-called socialists, who also oppose discrimination in Government service, and we can see that in the question posed by the Member for Batu yesterday.

Sir, what is socialist ideology but one of discrimination in favour of the "have-nots"? Socialist ideology lays down quite clearly that wealth and opportunities should be evenly and fairly distributed. In the process, those who have accumulated wealth through inheritance, ability, or business risks, must not keep it to themselves. Laws are formulated, so that these "haves" give up their wealth to the State to be re-distributed to others, although the others may not have the ability to look after this wealth. Ability, hardwork and willingness to take risks in business are not mitigating factors to the socialists. The poor, even though they are poor because they are lazy, stupid, spendthrifts, or merely disinterested, are regarded by socialists as having equal rights to the wealth accumulated by others. Since this is socialist thinking, why should they oppose the minor form of discrimination practised by Government, in order to balance the wealth between the communities by giving to the "have-nots" the opportunities and wealth of the "haves"? The stability of the nation and fairness demands this. If socialists think it is fair to discriminate against the rich, surely they should not protest against discrimination intended to bring everyone to the same level. Besides, Sir, this process of slight discrimination in favour of the Malays has the same principle as that of Malayanisation. Efficiency and smoothness of administration pointed towards continued employment of experienced European staff after Merdeka. But the political needs of the country demand rapid Malayanisation. Similarly, it is political necessity, that is the desirability to correct the economic imbalance between the races, in order to create an equitable and just society that guides Government in its policy of helping the *bumiputras* to overcome their

handicaps. Lest the Opposition think that Malayanisation benefits the Malays, I must remind them of the figures I have quoted just now and in the private sector I would ask them to read the business section of the *Straits Times* everyday.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia, semenjak merdeka, telah ada di-dalam keadaan keamanan. Saya berani berterus-terang berkata, keamanan ini ada-lah di-sebabkan oleh Perikatan yang memerintah. Perikatan selalu mengawasi soal perkauman dan telah memerintah dengan 'adil, supaya perkauman tidak membangkitkan huru hara. Pemimpin² Perikatan sedar tentang apa yang telah saya terangkan tadi. Juga, pemimpin² Perikatan tahu perkara yang sa-macam ini, tidak sa-harus-nya di-jadikan platform politik. Perikatan telah berusaha memperbaiki kedudukan masyarakat yang tidak 'adil dengan sa-chara perlahan² dengan tidak riuh-rendah; usaha ini chuma boleh berjaya di-dalam keadaan yang tenang.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, daripada satu masa ka-satu masa ada-lah timbul orang² yang gila kuasa. Mereka ini memandang kapada soal perkauman sa-bagai satu alat untuk merebut kuasa dalam negeri ini; mereka tidak peduli yang usaha mereka boleh merosakkan keamanan, mereka tidak peduli jika negara kita ini hanchor. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Perikatan memang sedar tentang bahaya-nya usaha ahli² siasah perkauman ini dan selalu mengambil langkah sa-belum perkara ini merebak. Kerajaan Perikatan telah memasukkan dalam tahanan Ketua² PAS yang ingin menggunakan perkauman untuk kepentingan Parti PAS, Ketua² Parti Convention yang perchaya kapada perkauman juga di-masukkan dalam penjara.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu sekarang ini ada satu dua lagi parti yang selalu menggunakan perkauman untuk mencari undi. Mereka selalu memekek yang orang² Melayu diberikan keutamaan dan orang² yang bukan Melayu di-tekan. Kita tahu juga, saperti saya telah terangkan,

yang perkara ini bohong dan dusta sahaja, tetapi ada orang² yang bukan Melayu yang tidak tahu dan di-antara orang² ini telah timbul satu perasaan benchi kepada orang² Melayu. Sabalek-nya pula orang Melayu tahu di'ayah yang di-keluarkan oleh parti² Pembangkang yang berchorak perkauman ini sa-mata² fitnah dan mereka berasa marah dan geram kepada semua orang² yang bukan Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya perkara ini kalau di-biarkan akan mendatangkan huru-hara dan pechah belah di-antara orang² Malaysia. Huru-hara ini boleh meletup dan darah akan mengalir. Huru-hara ini akan menghalang usaha Kerajaan untuk mendirikan satu negara yang tegap yang mana pendudok²-nya bersatu padu.

Tuan Yang di-Pertua, saya shorkan kepada Kerajaan khas-nya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ia-itu masa-nya telah tiba untuk mengambil tindakan yang keras terhadap orang² dan parti yang selalu berfitnah untuk memecah belahkan ra'ayat. Saya shorkan kepada Kerajaan khas-nya tindakan yang patut di-ambil ia-lah memasokkan dalam tahanan ketua² Parti politik, terutama sa-kali Parti Progressive Ra'ayat, yang telah selalu mengeluarkan kata² yang tidak betul yang boleh merosakkan keamanan dan ketenteraman negara. Saya keluarkan fikiran ini dengan chukup menitek beratkan atas maksud kata² saya. Saya telah timbangkan soal ini dengan chukup halus dan tidak ada lain chara yang patut di-timbangkan melainkan orang² itu di-tahan supaya mereka sedar atas tanggungan mereka terhadap keamanan negara dan ra'ayat-nya. (HONOURABLE MEMBERS: Betul! betul!)

Hari ini Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri memohon perbelanjaan tambahan sa-banyak \$1,160,000 untuk Polis dan saya menyokong peruntukan ini dengan kerana saya perchaya wang ini di-pohonkan untuk satu perkhidmatan yang mustahak dan kalau parti² perkauman di-biarkan bermaharaja lela, maka perkhidmatan ini-lah yang boleh mengawal keamanan yang terancham. Terima kaseh.

Tuan Stephen Yong Kuet Tze (Sarawak): Mr Speaker, Sir, I wish to refer to Head S. 4 on the question of election. According to the Jakarta Agreement, there shall be General Elections in Sabah and Sarawak as soon as practicable. We now know that the phrase used in this Agreement, "an opportunity to reaffirm" for the people of Sarawak and Sabah means nothing at all and the Central Government is merely paying lip service to the term, because how can one ask the people to reaffirm a decision in a General Election, when the people advocating cessation or a review of the terms of entry to Malaysia are likely to incur the displeasure of the Minister of Home Affairs and are liable to be branded as subversives and traitors, and thus run the risk of being locked up or prosecuted under the Internal Security Act or under the Preservation of Public Security Regulations. I fear, Sir, this is the likely fate of those who may not wish to reaffirm the previous decision. Can, therefore, we have a fair election under the circumstances? We would, therefore, ask the Government to give an assurance that there will be no intimidation or victimisation in the coming General Election in Sarawak.

Now, Sir, the question here is in regard to the phrase "as soon as practicable". How soon that will be? We know that the election machinery has been put into gear in Sabah, and we have had reports tabled by the Election Commission, but we have heard nothing about Sarawak. We are told that the General Election will be held in Sabah in March next year, and I think the Deputy Prime Minister has also said that the election will be held in Sarawak also about that time, and that was accepted by the present Government in Sarawak. But we would like to have confirmation by the Deputy Prime Minister in this House that, in fact, the General Election in Sarawak will be held in March 1967.

Sir, we wonder whether the Election Commission has got down to its work in respect of Sarawak. As we see, there is no supplementary provision for this item here, and we want to

know when will this registration of voters take place, and also how this registration is going to be done. I have heard that the procedure would be that, in the case of voters of Chinese and Indian origin, they will have to produce their birth certificates to prove their citizenship and their eligibility to vote, or to register as voters; but whereas in the case of others, they need only produce their identity cards to show that they are domiciled in Sarawak and are eligible to be registered as voters. Here, Sir, is a form of discrimination. We have heard the previous Honourable Member saying that sometimes the Government should be encouraged to maintain a certain amount of discrimination, and I hope very much that he will not regard this type of discrimination as a practice to be encouraged. In a matter like this, we would like to ask, "Why cannot all people be treated equally instead being accorded different treatment?" As you know, Sir, how many of the older people can produce their birth certificates? I do hope that the Minister concerned would look into this and see that this unfair and discriminatory practice be removed.

Sir, I would also like to refer to Head S. 39, in respect of the introduction of laminated identity cards in Sarawak. This work is being done, but here again for those persons, who were born in Sarawak and are of Chinese and Indian origin, I understand, they will have to produce their birth certificates also, even though their old identity cards show that they were born in Sarawak—and these old identity cards were issued as long ago as 1949. Why cannot these old identity cards be taken as a proof that they are domiciled or that they were born in Sarawak? I raise this point to show that there is also discrimination here, because people, other than those of Chinese and Indian origin, could have their new identity cards issued based on their old identity cards. Now, we have heard of giving certain privileges to sections of the community, who are less fortunate economically. That may be so, Sir, but I see no reason why in matters of a political nature, equality

and fairness should not be accorded them. I, therefore, say that this unfair treatment should be removed, and I would appeal to the Minister concerned to look into this and relax the rule so that may be treated equally.

Tuan Tan Cheng Bee (Bagan): Mr Speaker, Sir, I thank you for giving me this chance to talk today. I have come to parliament, Sir, with an undertaking to take up a problem of my constituents and to put forward the anxiety of this matter to the Government. But it appears that attempts have been made to probably prevent me from discharging my duties to my constituents. From what has happened, it would appear, Sir, that this problem, which I am going to talk about, is true. And since I have already taken up the matter with the Ministers concerned, I need not have to repeat it. I hope that everything possible will be made to tackle this problem without further delay.

Sir, I must say that I am very lucky to have escaped with only some facial injuries, but I was wondering if this wild and bold act should go unchallenged and parliamentary democracy be allowed to go to the wind. Sir, I stand before this House with my head bloody but unbowed by this wild attack, because it is my feeling that this attack has only made the Government to realise that in our country everything can happen and that there are elements which are prepared to go to any length to kill parliamentary democracy in our country. What has happened to me today may well happen to any other Honourable Member of this House and it is my fervent hope, Sir, that with the efficient Police force—the C.I.D., the Anti-Secret Society Branch—which I have full confidence in, the Government will leave no stone unturned to flush out the thugs that were responsible for this unprovoked attack on me. And my last appeal, Sir, is that the Government will now consider to give the Members of Parliament more security and more assistance to enable them to discharge their duties to their constituents without fear or favour, and to

be able to move freely about the large areas that comprise their respective constituency so that they could fully justify to be called *wakil ra'ayat*. Thank you.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin tuan, saya turut sama berchakap berkenaan dengan Rang Undang² ini ia-itu meminta tambahan bagi perbelanjaan kita dalam tahun 1966 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak-lah hendak memasoki ka-dalam tiap² satu Head, tetapi saya suka menarek perhatian kapada dua perkara yang tidak tersebut di-dalam tambahan ini ia-itu Kementerian Pertahanan. Dan saya mulakan dengan Kementerian Pertahanan.

Walau pun, Tuan Yang di-Pertua, konfrantasi sudah tamat, tetapi di-dalam ucapan belanjawan pehak Kerajaan tahun yang lalu kita hendak meluaskan pertahanan ini bukan-lah sa-mata² kerana konfrantasi, tetapi kerana kita merasa perlu usaha² itu di-adakan. Maka saya amat-lah dukachita oleh kerana Kerajaan tidak langsung meminta sa-barang tambahan bagi usaha² itu. Walau bagaimana pun, saya percaya pehak Kerajaan akan menggunakan wang yang telah diranchangkan itu buat pada waktu ini tidak untuk meluaskan bagi Angkatan Tentera, tetapi memperelokkan lagi kedudukan tentera² itu.

Oleh itu saya mengshorkan, pada kali akan datang sidang ini, saya akan melihat Kerajaan kita meminta tambah wang untuk memperelokkan kedudukan tentera kita dan General² kita, Lieutenant² kita, Captain² kita, yang telah berkhidmat sejak dharurat sampai sekarang sampai-lah konfrantasi ini tamat, patut di-tambahkan gaji lagi atau pun patut di-layan tuntutan² yang telah mereka itu kemukakan. Ini, Tuan Yang di-Pertua, apabila kita kembali kapada normal life dalam sa-sabuah negara maka layanan² yang saperti itu hendak-lah kita perhati dengan chermat.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah berkenaan dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar, ia-itu Head 63. Saya bersetuju penoh dengan

usaha² Kerajaan untuk melipat ganda-lagi perbelanjaan dalam Kementerian ini, tetapi satu perkara yang saya suka hendak menarek perhatian, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu usaha² yang betul² merupakan Productive Project di-dalam Kementerian ini saya nampak amat-lah tertinggal. Sebab itu saya nampak tidak banyak wang yang di-minta untuk usaha² MARA yang dahulu di-namakan RIDA—sekarang di-namakan MARA.

Saya suka hendak memberi tahu kapada Tuan Yang di-Pertua, ia-itu oleh kerana Kementerian ini oleh satu² sebab yang saya tidak tahu tidak-lah dapat di-katakan telah memberi perhatian yang sa-wajar, kerana dalam ma'alumat yang saya dapat, pada tahun 1962 penyakit ini sampai sekarang belum di-ubati lagi ia-itu peruntukan yang telah kita beri di-belanjakan dengan chara pentadbiran dan perbelanjaan Umum, Administration and General Expenses dekat² tiga million di-belanja tidak sa-chochok dengan peruntukan yang di-beri, not in conformity. Jadi bagaimana-lah usaha² ini boleh di-lakukan sampai bagitu banyak dan sampai bagini chuai dipandang dan saya minta-lah Kementerian kita ini menerangkan sa-jauh mana penyakit² itu di-ubati.

Sa-lain daripada itu, perkembangan itu juga pada tahun 1962, tahun 1963 saya dapati oleh kerana projek² yang di-jalankan itu di-buat dengan serta merta mendatang, mendadak bagitu sahaja tidak sa-bagai Scheme yang well plan maka pada tahun 1962, Tuan Yang di-Pertua, sa-banyak 270 ribu angka-nya, kalau tidak silap, dekat² 300 ribu yang di-belanjakan sa-mata² untuk menutup kesilapan² pegawai² yang berkenaan yang terlanjor belanja dengan tidak mempunyai authority sa-kali pun.

Bagitu juga pada tahun 1963 kalau tidak salah saya dekat² sa-banyak itu juga angka-nya yang di-belanjakan dengan tidak pernah authority dan sahingga kerana itu, mengikut ma'alumat yang saya tahu, tidak dapat hendak di-perbetulkan lagi. Jadi tidak-lah ada guna-nya, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita sa-mata² mengubah nama RIDA

itu kapada MARA sedangkan penya-kit² yang berlaku itu tidak dapat di-ubati. Ini mengubah nama RIDA kapada MARA ia-lah satu tahyol rapat, yang besar dalam Kerajaan Perikatan sa-bagaimana zaman dahulu apabila orang itu sakit kurus di-ubahkan nama-nya dengan harapan pengubahan nama itu dapat di-ubati. Sedang perkara ini tetap juga berlaku.

Ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau Kerajaan chabar saya supaya saya menulis perkara ini saya petang ini, Tuan Yang di-Pertua, saya akan sambongkan lagi. Saya akan berikan benda itu bertulis kalau sa-kira-nya Kerajaan betul hendak bertanggong-jawab dalam perkara ini.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, nampak-nya di-dalam Kementerian Luar Bandar kita ini untuk hendak menutup kerja² itu mereka itu membuat satu policy yang baharu ia-itu memberi hadiah "On the Spot" sa-bagai hendak menutup kesilapan² yang lama. Dan ini pun, Tuan Yang di-Pertua, kalau-lah Timbalan Perdana Menteri kita sendiri orang yang memberi bantuan on the spot saya mempunyai full confidence. Sebab dia dapat memikirkan di-mana yang patut, di-mana yang tidak patut. Tetapi kalau dia serah kapada Pegawai atau pun Menteri Muda, bukan-lah Menteri Muda kita itu dia tidak pandai, tetapi dia tidak chukup ma'alumat, maka dia akan tersilap menggunakan itu maka terpaksa-lah pula lagi kita meluluskan dalam Dewan ini angka² yang tidak mempunyai authority assets perbelanjaan lebeh itu. Ini amat-lah memalukan negara kita dan ini menunjukkan bahawa Kerajaan kita tidak mempunyai plan yang betul² terator dalam masaalah itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sambongkan lagi petang ini—banyak lagi ini.

Mr Speaker: Habis-lah masa sudah sampai. Meshuarat di-tanggohkan hingga pukul 4 petang ini.

Sitting suspended at 1.00 p.m.

Sitting resumed at 4 p.m.

(Mr Speaker in the Chair)

THE SUPPLEMENTARY SUPPLY 1966 BILL

Second Reading

Debate resumed.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya telah beruchap sa-belah pagi dan saya hendak menyambong di-sabelah petang, tetapi dukachita *koram* tidak chukup, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta di-bunyikan locheng sebab saya hendak berchakap perkara² yang mustahak.

(Divisional Bell rung: House counted;
26 Members present)

Tuan Yang di-Pertua, menyambong ucapan saya tadi, saya telah menyentoh tentang pembangunan ia-itu Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Saya telah menyatakan berapa dukachita terhadap Kementerian ini dan perkara² itu saya sambongkan bagini. Saya dapati kerja² yang telah di-jalankan oleh badan² yang baharu di-tubuhkan di-dalam Kementerian ini saperti FAMA, bagitu juga MARA, yang di-ubahkan nama daripada RIDA, dan saya dapati kerja²-nya belum dapat memuaskan untuk memenohkan bukan sahaja kehendak ra'ayat negara kita, tetapi kehendak projek yang di-tentukan di-dalam development plan itu sendiri, dan saya takut kalau² chita² kita itu tinggal chita² sahaja tidak dapat di-laksanakan dengan sa-sunggoh²-nya.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Luar Bandar pernah meminta beberapa peruntokan tambahan. Pada kali ini pun Kementerian telah minta juga kira², kalau tidak salah saya, dalam \$55,000 lebeh sedikit untuk hendak menampong perbelanjaan satu kerja yang di-namakan Gerakan Maju. Saya tidak tahu ada-kah istilah Gerakan Maju ini sa-mata² untuk memenohi satu keadaan atau pun Gerakan Maju ini merupakan satu istilah yang tetap di-dalam rangkaian tugas Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang nampak kapada kita ia-lah polisi Kerajaan kita ia-lah hendak membetulkan atau pun hendak membolehkan (qualify) kerja² mereka itu dalam usaha memberi wang pada tempat yang tertentu ia-itu apabila sa-saorang Yang Berhormat Menteri kita melawat di-satu tempat, maka di-situ-lah di-beri pemberian-nya. Dan saya telah menyatakan bahawa chara yang bagini rugi-nya lebeh banyak daripada untong-nya kerana timbul berbagai kesulitan.

Apa yang saya kata ini bukan sahaja saya yang kata, tetapi wakil dari Raub dan wakil² lain telah menyuarakan perkara ini. Hujah atau dalil daripada pehak Pembangkang tentu-lah tidak mudah di-terima oleh Kerajaan, tetapi kalau pehak Kerajaan sendiri membuat hujah yang sa-macam itu dan Kerajaan juga tidak mahu menerima, saya tidak tahu-lah apa nama pula istilah baharu untuk di-beri kapada Kerajaan kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya lebeh suka kalau sa-kira-nya Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini dapat bekerjasama lebeh rapat lagi daripada apa yang ada ini dengan Kementerian Partanian dan juga dengan Kementerian Perdagangan dan Perusahaan kerana ketiga² Kementerian ini dalam keselurohan-nya merupakan betul² saloran yang boleh melahirkan perojek² yang bersifat productive dalam pembangunan kita. Sebab itu mithal-nya "Gerakan Maju" ini apabila kita tamat confrontation dengan Indonesia, askar² dan tentera² kita yang dahulu-nya hendak di-perbesarkan sekarang sudah tidak jadi hendak di-perbesarkan, maka orang² ini pula akan di-bawa masuk ka-dalam istilah "Gerakan Maju" supaya mereka itu dapat menggunakan tenaga² mereka itu untuk pembangunan sa-telah mereka itu tidak payah di-guna untuk pertahanan dan kerja² yang sa-macam itu.

Apa yang saya sebut ini telah juga di-sebutkan oleh sa-orang Ahli Yang Berhormat daripada Kota Star Selatan, walau pun wording-nya tidak sama

tetapi motive-nya itu sama, ia-itu Ahli Yang Berhormat itu berkehendakan supaya tenaga² muda itu di-salurkan ka-dalam pembangunan. Saya rasa walau pun banyak perkara pehak di-sini dengan pehak di-sana tidak berchantum, tetapi jikalau Indonesia dengan Malaysia dapat menghilangkan confrontation, maka saya rasa pehak di-sini dengan pehak di-sana pun, untuk pembangunan negara ini, dapat kita menegahkan confrontation yang mereka itu halakan kapada kita dengan jalan perojek² yang sa-macam ini di-sokong oleh pehak Pembangkang dan di-taja oleh pehak Kerajaan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kaitan hendak merangkapkan Kementerian² yang tiga ini ka-dalam satu usaha yang kita namakan "Gerakan Maju" yang lebeh luas kapada apa yang terburu² di-buat oleh Kementerian kita, saya lebeh suka Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar mengadakan hubungan dengan Kementerian Perdagangan dan Perusahaan supaya di-perbanyakkan lagi atau pun sa-kurang²nya di-kemukakan consumer industries ia-itu macham membuat barang² keperluan bagi kehidupan hari² dengan tidak payah kita membawa barang² masuk seperti membuat pinggan mangkok, pisau dan sa-bagai-nya.

Ini, Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini sa-mata² di-jalankan oleh pehak² entrepreneur atau pun private sector sahaja. Saya rasa di-dalam pembangunan walau pun kita berhajat private sector ini menolong kita di-dalam pembangunan negara, tetapi kalau Kerajaan sendiri dapat mengemukakan atau pun menunjukkan daya utama—usaha² utama—saya rasa lebeh baik lagi daripada kita mengharapkan private sector itu—dan ini tidak pun di-tunjukkan oleh Kementerian kita, atau oleh Kerajaan kita, walau pun Kerajaan sudah sedar bahawa confrontation sudah habis dan segala pemikiran kita patut kita tujukan kapada pembinaan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi dalam perkara Pembangunan Luar

Bandar ini ia-itu yang menjadi masalah di-kawasan saya sendiri dan di-mana² pun, terutama di-negeri yang di-perintah oleh Parti PAS, ia-itu masalah Kelas Dewasa. Amat-lah mendukachitakan, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mengatakan Parti PAS ini tidak mahu menerima Kelas Dewasa. Apa yang kita selalu menyuarakan, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah pelaksanaan-nya dan saya dapati apabila suara² daripada pehak Pembangkang ini di-kemukakan kepada Kerajaan, di-kawasan saya sudah ada kebaikan—erti-nya sudah ada improvement—ia-itu kelas² itu berjalan dengan elok dan saya fikir pada satu masa silap faham ini dapat kita atasi dengan mudah-nya sahaja dan saya berharap Menteri Muda, kalau dia melawat di-sana, kalau dia bermurah hati, dapat memberitahu kepada saya dan saya boleh mengikut dia sa-kurang²-nya menunjukkan tempat-nya di-mana yang patut di-dahului dan di-mana tempat yang kita kemudiakan.

Di-dalam ini saya suka-lah Kementerian kita ini mengkaji sa-mula ia-itu tentang perangkaan jumlah orang² yang benar² buta huruf, berapa banyak di-dalam negara kita ini yang buta huruf, dengan demikian dengan sendiri-nya pula dapat kita menganggar berapa banyak guru yang patut kita ambil, dan berapa banyak belanja yang patut kita untukkan. Jadi, kita hendak buat satu perojek berapa banyak orang itu yang hendak mengaji kita tidak tahu, kemudian kita ambil guru pun dengan sa-chara mendadak begitu sahaja. Maka inilah hasil yang tidak baik yang Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Kangsar pun selalu menyuarakan, di-negeri Perak-lah. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini satu perkara yang baik kalau Kementerian kita boleh buat.

Yang kedua, berkenaan dengan pemilihan guru² yang berkelayakan, bukan-lah berma'ana kita hendak menchari guru yang qualified untuk mengajar di-kolej atau pun di-mana, tetapi guru² itu sa-patut-nya mendapat latehan dahulu sa-belum dia meng-

ajar, sebab mengajar orang buta huruf ini kaedah-nya tidak sama dengan mengajar di-sekolah² biasa. Jadi inilah sa-patut-nya Kerajaan mengadakan kolej bagi guru² itu mengajar dan saya rasa ini ada lebeh effective lagi—lebeh berkesan lagi. Sebab, Tuan Yang di-Pertua, kalau-lah kita hendak pakai sa-mata² dengan Lobak system atau chara² yang sa-macham itu akan berlaku-lah orang² buta huruf yang hendak belajar menulis ini sa-mata² dia mengikuti berharap kepada gambar, terkadang² itu di-tulis betul²—draw—gambar itu chabai, tetapi ekor-nya chabai itu macham payong. Jadi bila orang tua itu membuka mata tengok ini, “Apa dia mak chik?” “Payong tutup”, dia kata.

Jadi ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana kita sa-mata² bergantung kepada gambar tidak kepada kaedah yang sa-benar-nya dan saya tidak pernah mendengar Kementerian kita mengemukakan satu kaedah yang lebeh tegas dalam perkara ini.

Bagitu juga kelas² yang ada, terkadang² budak² yang sudah lulus darjah lima pun masok juga belajar di-situ. Jadi, apabila kita mengajar satu tahun sudah lulus, sudah pandai, maka itu-lah yang kita katakan menipu diri kita sendiri jikalau waktu mendaftar itu tidak memilih betul². Maka saya tidak menyalahkan Kementerian kita tetapi guru² di-sana berkehendakkan murid itu banyak dan hendakkan lulus-nya chepat, maka dia pilih orang² yang sudah belajar standard IV, standard V yang sudah tahu, kemudian dia melaporkan kepada Kementerian dia sudah maju, maka Kementerian pun puji, pada hal dia mengajar orang yang sudah tahu.

Akhir-nya, di-dalam perkara ini keadaan² darjah itu sendiri patut-lah Kementerian kita ini menyiasat betul-kah penoh kelas² itu. Di-Kelantan sudah berjalan dengan baik, saya puji perkara itu. Tetapi tidak patut satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, kalau-lah betul cerita ini berlaku dan saya harap Kementerian kita menyiasat ia-itu guru² dewasa yang mengajar itu tidak mendapat elaun mengikut apa yang di-tetapkan. Kalau \$40 hanya \$20

sahaja yang dapat yang \$20 lagi ditekankan oleh Parti UMNO atau Parti Perikatan itu menderma kepada Parti. Ini satu perkara yang tidak patut, patut Kementerian kita siasat dan daripada wang yang \$20 ini-lah bila Penyelia datang, di-beli bubor kacang dan begitu bagini hendak menunjukkan konon kelas itu maju dan kalau ini berlaku amat-lah menyedehkan.

Tuan Yang di-Pertua, beraleh kita kepada Polisi Pelajaran dengan rengkas-nya, sebab ada hubungan Kelas Dewasa ini dengan pelajaran. Banyak tuduhan yang di-lemparkan kepada Parti PAS ini, yang pertama mengatakan Parti PAS ini telah membuat kempen jahiliah di-dalam bidang pelajaran dengan sebab itu di-negeri Kelantan budak² tidak masuk Sekolah Menengah ini, Tuan Yang di-Pertua. Kenyataan yang sa-macam ini amat-lah menyedehkan kerana bukan sahaja di-antara Parti dengan Parti tetapi mengenai negara kita sendiri.

Saya suka menunjukkan bukti yang akan menjadi kenyataan kepada kita bersama ia-itu saya telah dapat ma'lumat, pada tahun 1966 ini bagaimana sambutan ra'ayat kita kepada darjah² yang di-namakan Sekolah Menengah Rendah atau pun Comprehensive School. Pada tahun 1966 budak² yang tidak masuk sekolah yang dahulu-nya di-sangka di-negeri Kelantan telah menjalankan kempen jahat supaya budak² jangan masuk. Kalau begitu ma'lumat yang ada pada saya pada tahun 1966 ini, di-Johor 11,697 orang yang tidak masuk Sekolah Menengah—saya tidak tahu-lah apa sebab-nya—di-Perak 5,997 di-Kedah 5,988 di-Selangor 5,987 di-Kelantan 3,703 orang; yang lain lagi itu baik percentage-nya. Jadi, ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau-lah di-negeri . . .

Tuan Sulaiman bin Bulon: Tuan Yang di-Pertua, masa kita tidak begitu banyak, maka Kepala S. 63 ini tidak pun langsung membincangkan hal Kementerian Pelajaran. Ini kita telah beraleh kepada Kementerian Pelajaran, bukan-nya Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Jadi saya

harap-lah perkara itu tidak di-timbulkan di-sini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya telah berkata tadi bahawa Pelajaran Dewasa ini ada hubungan dengan pelajaran dan kita berpindah kepada polisi pelajaran. Saya sudah sebut itu, barangkali Yang Berhormat marah sangat kepada saya. Saya tidak menyalahkan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dalam perkara ini.

Mr Speaker: Patut Ahli Yang Berhormat bila hendak tiba kepada satu² fasal itu tolong-lah tiba dengan jalan yang chepat—itu yang di-minta-nya itu. Jangan-lah berpusing² baharu tiba.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Jadi ini di-dalam Kementerian Pelajaran, saya minta ma'af kalau ada tersinggong begitu.

Jadi tidak-lah patut, Tuan Yang di-Pertua, kita mengatakan bahawa negeri PAS itu menjalankan kempen jahiliah, supaya budak² itu jangan masuk dan saya pun tidak mahu duduk dalam negeri yang mengkempenkan jahiliah yang sa-macam ini. Apa-kah pula kalau kita hendak sebut kempen jahiliah negeri yang 11,000 itu kempen apa pula ini? Ini Kelantan jatuh No. 5, kempen jahiliah yang No. 4, No. 3, No. 2, No. 1, bapa jahiliah, tok jahiliah lebeh lagi tinggi lagi. Itu tidak patut perkataan yang kita hendak sebut begitu dan ini sudah besar dalam editorial surat khabar begitu bagini dan percentage-nya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mengikut percentage, yang masuk-nya di-Johor itu budak² yang masuk 12,000 yang tak masuk 11,000 erti-nya 90% sedangkan di-Kelantan 3,000 dengan 6,000 erti-nya 50%—yang baik di-Perlis dan di-Perak. Di-Perlis 10% di-Perak 30% tetapi ini sampai 90%—12,000 dengan 11,000.

Jadi ini-lah saya juga, Tuan Yang di-Pertua, susah di-Kelantan itu sebab orang bertanya bagaimana-kah sikap PAS di-dalam masaalah² yang bersifat nasional tidak cukup daripada itu Yang Amat Mulia Timbalan Perdana

Menteri pula mengatakan bahawa pondok² di-Kelantan itu memalukan dan pondok² ini menyebabkan terban-tut-nya pelajaran. Ini ada-lah kenya-taan yang tidak benar yang saya suka-lah pehak Kerajaan mengikiskan sangkaan² yang tidak betul yang sa-macham itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu pun sudah cukup banyak bagi pehak Menteri kita mendengar-nya dan dia pun tidak suka hendak mendengar sangat perkara² itu. Kita pergi pula dalam perkara yang lain yang saya hendak sebut dengan sedikit sahaja ia-itu mithal-nya di-dalam Kementerian Pertanian dan Sharikat

Mr Speaker: Itu Ahli Yang Berhor-mat jangan pergi kepada detail begitu, ya. Ini di-ambil satu² Kepala itu macham berbath dengan detail. Saya minta tidak usah kepada detail—general polisi sahaja-lah.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, di-dalam Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama saya dapat satu mithalan ia-itu projek² yang kita hendak buat bagi negara kita ini ada dua projek yang kesamaran. Yang pertama, projek Oil Palm Malaya, lagi satu projek di-dalam development. Project Oil Palm juga di-Trengganu.

Jadi yang pelek-nya, Tuan Yang di-Pertua, yang satu itu di-masokkan di-dalam Development, yang satu lagi di-masokkan di-dalam expenditure yang betul dan meminta wang di-dalam Supply Estimate ini. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kedudukan-nya sama sebab Oil Palm itu. Jadi di-mana-kah kedudukan-nya, ada-kah Kerajaan mempunyai satu ranchangan sendiri dan private sector mempunyai satu ranchangan sendiri dan lagi pula di-dalam projek² yang besar itu ada satu projek di-dalam Kementerian, apa saya lupa, ia-itu berkenaan dengan nama-nya Malayawata Steel Ltd. Ini sa-patut-nya dia menjadi private sector tetapi di-masokkan di-dalam perbelan-jaan kita betul, ada-kah ini sa-bagai Government sponsored dan ini pun saya tidak tahu di-mana kedudukan-nya di-dalam perkara itu. Kalau-lah

ini bermaksud untuk pembangunan negara, maka perkara² yang besar itu di-tolong kepada private sector tetapi perkara² yang chuba di-lakukan oleh ra'ayat sendiri sa-bagaimana Oil Palm di-Trengganu—Projek Trengganu itu—di-beri pinjam sahaja di-bawah Column No. 9, bukan di-dalam 8 di-dalam Development itu, maka saya rasa ini-lah apa yang di-maksudkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kota Star Selatan ia-itu orang² Melayu atau pun bumiputera ini tidak di-beri peluang untuk mereka itu bekerja. Ini ada-lah satu perkara besar di-dalam pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, Pembangunan kita telah berchakap, Pertahanan kita telah berchakap dan Education kita telah berchakap dan yang ada lagi ia-lah general polisi bagi negara kita. Kalau saya sebutkan general polisi pun boleh juga sebab istilah saya buat sendiri.

Jadi yang menjadi susah-nya, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah pilihan raya yang kita akan adakan tidak lama lagi di-Sabah dan Sarawak. Kita hidup di-dalam zaman confrontation dengan begitu susah chara kita berfikir dan kita hendak menghadap satu pilihan raya dan pilihan raya ini bukan pilihan raya biasa. Saya tidak faham apa-kah Timbalan Perdana Menteri kita bermaksud daripada satu kenya-taan-nya yang telah di-buat di-Djakarta mengikut ma'lumat—kalau tidak betul boleh di-perbetulkan—ia-itu Timbalan Perdana Menteri kita membuat kenyataan kepada akhbar di-sana, bahawa pilihan raya yang akan di-jalankan di-Sabah dan Sarawak itu topic-nya ia-lah ada-kah ra'ayat² di-kawasan itu akan tetap dudok di-dalam Malaysia. Ini arti-nya mem-bawa pengertian lebih hampir kepada referendum daripada ia-nya membawa kepada pilihan raya sendiri.

Kemudian daripada itu pula pagi ini, Yang Teramat Mulia Perdana Menteri kita mengatakan, pilihan raya, itu bukan referendum tetapi hendak re-affirm, hendak menguatkan lagi, sama ada dia itu hendak dudok dalam Malaysia atau pun tidak—itu juga amount to referendum. Jadi yang

saya bimbangkan pilihan raya ini ialah akan menjadi satu gelanggang—platform—sama ada Malaysia ini akan berpecah lagi atau pun tidak dan itu akan membantukan lagi pembangunan negara kita sa-mata² fikiran itu boleh merachunkan orang ramai, sebab itulah saya suka perbelanjaan bagi pilihan raya ini di-banyakkan lagi supaya kita hendak tahu betul² orang² kita ini bertanggung-jawab dalam arti kata pilihan raya ini patut di-adakan undi wajib ia-itu kalau orang itu tidak mengundi dia bersalah—dia hendak mengundi Parti mana itu masalaah lain.

Saya lebih suka kalau Kerajaan kita ini hendak maju lagi kapada alam demokerasi dia patut mengubah sistem pilihan raya ini kapada satu sistem yang pernah di-buat di-negeri lain, kalau tidak salah saya, istilah-nya dinamakan professional representation ia-itu mengikut Parti tidak mengikut orang.

Dengan demikian, Tuan Yang di-Pertua, undi² yang di-perolehi satu² perjuangan untuk negara itu tidak terbiar begitu sahaja. Kalau kita pakai sistem yang macham sekarang ini, kalau kalah satu undi pun kawan itu menang sedang yang kalah itu berpuluh ribu juga dia dapat dan orang itu tidak representative-nya. Jadi saya tahu Kerajaan tidak mahu membuat ini sebab kalau dia buat sudah tentu P.M.I.P. ini dekat² 30 kerusi hendak dapat yang sa-macham itu, saya tahu Kerajaan tidak mahu. Tetapi masalaah-nya sekarang ini bukan masalaah mahu tak mahu, bukan masalaah P.M.I.P.—ini masalaah perubahan di-dalam alam kita menuju kapada demokerasi. Jadi ini satu chara yang berani patut Kerajaan kita membuatnya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita sudah tengok pembangunan, kita sudah tengok chara election, kita sudah tengok segala²-nya dan satu chara lagi, yang akhir yang saya hendak tutup ucapan saya ini, ia-itu saya kurang mengerti apa-kah maksud yang di-sebut oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kota Star Selatan, ia-itu kata-nya Parti² Pembangkang yang membawa perkauman,

bagitu bagini, di-sebutkan orang²-nya yang sudah kena tangkap di-tahan, dia menyeru pula Kerajaan supaya tangkap lagi orang ini. Jadi kalau tidak ada Pembangkang, Tuan Yang di-Pertua, macham mana pula meshuarat sama sendiri, orang tidak pernah membuat meshuarat sama sendiri, bawa perempuan kita menjadi saksi dalam Mahkamah bila² pun dia sokong kita.

Jadi, wujud-nya pembangunan ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan-lah sa-mata² untuk hendak bergaduh, tetapi untuk memberi perbezaan pendapat, dengan perbezaan itu kita juga mendapat fikiran² dan bukan kesemua-nya yang di-buat oleh pihak Pembangkang itu tidak baik, dan bukan kesemua-nya pula yang di-buat oleh Kerajaan itu tidak boleh di-perbetulkan dan tidak boleh di-tegor.

Jadi, ini satu lagi fahaman daripada pihak Kerajaan ini yang menunjukkan bahawa walau pun habis confrontasi dengan Indonesia, tenaga yang disediakan untuk menghadapi confrontasi ini sekarang ini ta' sempat hendak disimpan di-mana, lepas geram-nya terpaksa-lah di-lepaskan kapada P.M.I.P. atau Parti Pembangkang. Parti Pembangkang tidak banyak, Tuan Yang di-Pertua, kalau dia hendak tangkap, tangkap parti lain dua habis—habislah parti itu. P.M.I.P. ini banyak lagi. Tunggu list sahaja. Sa-orang dia pergi, sa-orang dia pergi, dia bawa tangkap dan saya pun dudok rasa kalau macham ini attitude—chara berfikir Kerajaan, saya pun doduk² tengok juga, barangkali saya pun sudah masuk dalam list itu (*Ketawa*).

Ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan satu perkara yang saya takut sangat—tidak. Tetapi memasokkan dalam list lebih banyak membimbangkan daripada langsung orang itu kena tangkap. Sebab kalau orang itu tetap habis chara berfikir—ta' ada lagi. Ini di-letakkan di-dalam list. Jadi, dudok menunggu macham orang hendak kena bunoh satu bulan lagi lebih azab daripada dia kena bunoh pada hari itu.

Ini, Tuan Yang di-Pertua, akibat-nya bagini: Akibat orang² yang chuba hendak memberi fikiran kapada Dewan

ini tidak akan bekerja dengan bersungguh—pehak Pembangkang ta' apa-lah kalau dia tidak ada di-sini pun, parti PAS ini saya tiap² hari ada, saya mewakili mereka itu, tetapi macham parti² lain, jadi kita tidak dapat suara yang lebeh constructive, yang lebeh membena kapada Dewan ini, kalau kita membawa fikiran² yang samacham itu, atau pun Kerajaan Perikatan telah sedar bahawa dengan hilang-nya confrontasi ini, dia sudah tidak ada alasan lagi untuk mengatasi parti² lawan-nya di-dalam ini. Maka dia takut, lebeh baik dia tangkap ketua²-nya itu. Itu satu hukdah—satu complex—di-dalam jiwa mereka itu. Jadi, kalau pehak Kerajaan sendiri ada perasaan satu penyakit complex yang macham itu, inferiority complex sa-kali, superiority complex sa-kali, bagaimana Kerajaan itu hendak stable? Itu di-dalam Kerajaan sendiri.

Berhubung dengan luar negeri pula, Tuan Yang di-Pertua, saya minta Kerajaan kita ini ia-itu di-negeri² Islam patut di-adakan dengan sa-berapa segera hubungan² diplomatic, Macham negeri² yang kita tidak dapat menghantar Duta kita, hantar-lah sa-takat Consul dahulu dan Duta²-nya yang ada di-negeri itu boleh merangkap Kedutaan²-nya. Ini satu kesulitan telah timbul. Tidak ada hubungan apa sahaja dengan negeri² luar, yang ada pun hubungan ia-lah berkenaan dengan pelajaran, atau pun kebudayaan sahaja, ia-itu tiga surat yang di-kirinkan kapada saya oleh Kementerian sa-buah negara yang telah tidak sampai, dan akhir-nya copy surat itu di-kirinkan dan kata-nya dia sudah melalui Kedutaan² yang lain, tetapi ia tidak tahu sama ada surat ini disampaikan oleh Kedutaan yang dia minta tolong jasa baik-nya itu, atau pun terpendam dalam Kementerian Luar Negeri. Ini amat-lah tidak patut, sebab surat itu bertulis, tentu-lah isinya lebeh terang lagi daripada apa yang di-chakapkan, pada hal macham di-Lebanon, di-Iraq, kita boleh lantek Duta yang di-Masir itu merangkap dan kita mengadakan Consul dan yang demikian perhubungan kita dengan negeri² itu bertambah, apa-tah lagi pula di-negeri itu ada penuntut² kita yang belajar di-sana.

Jadi, ini kesemua-nya menggambarkan bahawa leteh-nya Kerajaan Perikatan dalam menghadapi confrontation dan kita beri ma'af kapada mereka itu, tetapi sa-sudah confrontation ini selesai, maka saya harap kerja² itu dapat di-selesaikan dengan segera. Apa yang saya hendak simpulkan ia-lah kalau-lah masaalah confrontation ini mengikut butir² yang terakam di-Jakarta saperti mana yang disiarkan dalam Suara Malaysia Articles I, II dan III itu di-terima. Ini, Tuan Yang di-Pertua, sa-mata² mengulang kaji apa yang pernah di-sebutkan dahulu dan apa yang pernah tidak diterima oleh Kerajaan; hanya sa-mata² pilehan raya itu sahaja yang di-namakan pilehan raya, tetapi bukan untuk menchari undi membentok Kerajaan, tetapi hendak re-affirm, hendak menguatkan lagi sama ada hendak menentukan nasib negeri itu dalam Malaysia atau pun tidak.

Kalau ini, Tuan Yang di-Pertua, sudah kita terima, mengapa dahulu lagi kita tidak terima? Kalau kita terima dahulu lagi, ta' ada-lah ashkar² kita mati, ta' ada ibu² yang menangis, tidak ada-lah anak² yang kehilangan ibu bapa, tidak terbantut segala pembangunan kita. Oleh kerana isi Article itu, itu-lah sahaja bermaksud-nya, tidak lebeh. Dengan yang demikian, saya rasa walau pun saya ucapkan tahniah kapada kedua² pehak dan terutama kapada Tun Abdul Razak, saya rasa kesilapan² yang samacham ini tidak-lah patut kita ulangi lagi dan untuk mengelakkan daripada berlaku-nya perkara² yang saya sifatkan bodoh itu, patut-lah Kerajaan ini, kalau hendak buat apa² yang besar, bertanya sama kapada pehak Pembangkang supaya kita bertanggung jawab bersama² dalam negara kita.

Mr Speaker: Kalau betul silap!

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Kalau betul silap. Bagi saya, orang itu sudah silap, Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kaseh.

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Perbekalan Tambahan ini dan saya

memberi sokongan yang penoh di-atas Rang ini.

Saya suka hendak menyentuh beberapa aspect yang timbul daripada Rang Undang² Perbekalan Tambahan ini.

Perkara yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak menyampaikan tahniah yang tinggi kepada Kerajaan dan khas-nya kepada Menteri Kewangan atas langkah menghapuskan chukai istimewa (preferential rate) yang telah di-kenakan kepada barang² Commonwealth. Saya rasa bukan sahaja tahniah, bahkan patut diberi sa-kalong bunga kepada Menteri Kewangan atas langkah-nya yang tegas dan jelas ini. Langkah ini merupakan satu²-nya berita yang terbaik yang diterima oleh ra'ayat pada tahun ini dengan hati yang lapang. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, maseh ada lagi lebeh 100 jenis barang² buatan British yang belum di-hapuskan chukai istimewa-nya, yang maseh di-kekalkan dengan chukai istimewa-nya, dan saya harap jangan-lah di-nanti lama² sangat mengambil langkah yang berikut-nya jangan-lah nanti sampai kuching bertandok.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua, di-bawah Kementerian Perdagangan dan Perusahaan ada Peruntokan Tambahan untuk FIDA atau Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan. FIDA ini sampai sekarang belum ada pengarah-nya. Dalam membincangkan soal perusahaan di-Malaysia ini, mahu tidak mahu, soal tidak ada-nya persaimbangan ekonomi antara bumiputra dengan orang² yang bukan bumiputra akan timbul. Soal ini tadi telah di-sentuh oleh Ahli daripada Kota Star Selatan, tetapi saya ingin menyentuh-nya dari segi lain pula.

Usaha² di-jalankan oleh MARA, FAMA dan Bank Bumiputra, tidak akan chukup untuk mengatasi masalah yang maha besar ini. MARA modal \$20 juta dalam masa lima tahun, Bank Bumiputra dengan modal \$5 juta sahaja dan FAMA dengan peruntokan-nya yang tidak sa-berapa dan belanja tambahan yang ada depan kita ini diminta lagi hampir sa-juta ringgit

masakan dapat memberi penyelesaian kepada soal mempersaimbangan ekonomi yang berjumlah lima juta orang ramai-nya dengan orang² bumiputra yang bukan bumiputra. Lembaga² ini sa-benar-nya hanya boleh membuka jalan sahaja kepada penyelesaian.

Pada hemat saya, bahagian terbesar dalam memberi ubat dalam perkara ini, di-pikul atau terpikul kepada leher orang² yang bukan bumiputra itu sendiri dan tidak boleh dan tidak patut di-serahkan semua-nya kepada Kerajaan. Ra'ayat yang bukan bumiputra mesti sedar bahawa stability ekonomi, dan stability negara ini di-masa depan tergantung kepada stability politic. Dan stability politic Malaysia hanya terjamin dengan terjamin wujud-nya persaimbangan ekonomi antara penduduk²-nya.

Sebab itu saya berpendapat, orang² yang bukan bumiputra sendiri mesti memainkan peranan yang positive didalam perkara ini, jauh daripada menyerahkan semua-nya kepada Kerajaan. Mereka hendak-lah mengambil initiative, dan saya underline **initiative** itu, dalam usaha² untuk menchapai persaimbangan ekonomi ini. Mereka mesti dengan initiative mereka sendiri, mara ka-hadapan dengan hati dan tangan terbuka, membuka pintu kepada bumiputra dalam perusahaan² yang di-jalankan. Bukan dengan hanya memberi share kosong kepada satu dua kerat bumiputra dan melantek mereka itu menjadi Director dalam satu dua sharikat. Ini tidak akan membawa ka-mana², tetapi jalan-nya ia-lah dengan memberi peluang kepada bumiputra mengambil peranan yang positive dalam perusahaan itu, dalam chabang² pengelolaan, pentadbiran dan pekerjaan² yang di-lakukan oleh sesuatu perusahaan, serta memberi mereka latehan yang melayakkan mereka mengambil bahagian yang sa-benar-nya.

Ini bukan bererti memberi bumiputra membolot segala chabang² kerja di-perusahaan itu, beri-lah sa-kadar berpatutan—sa-kadar satu perempat atau satu pertiga pun sudah chukup pada permulaan. Jika ini di-lakukan, maka

tanda-lah orang² yang bukan bumi-putra jauh pandangan mereka, bahawa mereka membayar insurance untuk stability dan keselamatan negara dan keselamatan mereka sendiri di-masa hadapan.

Apa yang berlaku sekarang dalam lapangan perusahaan ini terlalu mendukachitakan. Lapangan perusahaan sa-olah² merupakan satu lapangan yang haram dan tertutup kepada bumiputra. Perusahaan² di-buka, baik bertaraf perintis atau tidak, bukan tidak ada mengambil bumiputra—bumiputra di-ambil pada permulaan menjadi sa-bagai gambar pertunjukan. Sa-lepas itu berbagai² probokasi, berbagai² irritation di-lakukan terhadap pekerja² bumiputra dan timbul-lah tuduhan² di-kalangan pekerja² itu bahawa konon-nya pekerja² bumiputra tidak chukup chekap, kelesa, suka tuang, suka chabut dan ini boleh jadi kerana ada di-antara mereka yang keluar sembahyang pada hari Juma'at. Sadikit demi sadikit pekerja² bumiputra yang di-ambil pada mula-nya itu akan terus, akan berkurangan, akan di-berhentikan sa-orang demi sa-orang dan di-gantikan dengan pekerja² yang bukan bumiputra.

Cherita ini, Tuan Yang di-Pertua, berlaku hampir sa-tiap masa di-kilang² perusahaan di-Petaling Jaya dan di-lain dari Petaling Jaya. Barangkali tuan² punya perusahaan ini, maka pegawai² kanan di-perusahaan itu tidak sedar bahawa ini semua-nya merupakan dan menchiptakan satu time bomb yang kelak akan meletus dan melebor-kan segala apa yang ada. Rasa pahit, rasa benchi, rasa kechewa dan frustra-tion akan memunchak terus di-hati bumiputra dan bila frustration ini kelak sampai ka-kemunchak-nya ia akan meledak dan akan mengkechai²-kan apa yang ada di-hadapan-nya dan karam-lah mereka semua-nya, bumi-putra dan bukan bumiputra dalam kekachauan politik yang tidak dapat di-ubat lagi.

Ada pula sa-tengah² perusahaan pada masa ini mencari pegawai² dan kaki-tangan dengan sengaja menyebut-kan syarat² yang terang mengeneipkan orang² Melayu dan bumiputra. Di-sebutkan kelayakan² yang di-kehen-

daki—kemudian di-sebut kelayakan bahasa kebangsaan, sa-bagai meng-ambil hati gerakan bahasa kebangsaan barangkali, dan di-samping itu di-sebut kelayakan dalam satu atau dua dailek China. Di-mana-lah orang² Melayu dan bumiputra yang tahu dailek China dan terang² sahaja-lah perusahaan itu dengan demikian menutup pintu-nya kepada orang² Melayu dan bumiputra dengan sa-chara bijak. Hal ini bukan sahaja di-lakukan oleh perusahaan² China, tetapi juga oleh sa-tengah² per-usahaan Eropah yang ada di-negeri kita ini. Ini sa-sunggoh-nya sangat merbahaya kepada masa hadapan Malaysia dan kepada masa hadapan orang² yang berkenaan itu sendiri.

Saya suka orang² yang bukan bumi-putra mengambil perhatian seruan Menteri Muda Pelajaran yang di-uchapkan-nya di-dalam satu Majlis M.C.A. baharu² ini, ia-itu supaya orang² China yang bukan bumiputra lupakan kepentingan diri-nya sendiri atau self-interest mereka, dan meng-ambil initiative menolong dengan sa-benar-nya, dengan chara positive, orang² Melayu dan bumiputra dalam perusahaan dan perniagaan dengan tidak menyerahkan sa-mata² kepada Kerajaan.

Jika seruan Menteri Muda Pelajaran ini tidak di-ambil perhatian, saya takut akan tiba masa-nya bila mana frustra-tion itu sampai pada kemunchak-nya di-kalangan bumiputra, tambahan pula anak² bumiputra yang keluar daripada sekolah yang tidak dapat melanjutkan pelajaran tinggi sa-makin hari sa-makin ramai, terutama kerana kemis-kinan mereka, dan di-Melaka sahaja, yang saya tahu sekarang ini menurut penyelidikan yang di-buat daripada anak² sekolah yang keluar Sekolah Rendah hendak masok Sekolah Menengah, yang pergi masok Sekolah Menengah, anak² orang India 92%, anak orang China 83%, anak orang Melayu 59%. Maka dengan bertambah ramai-nya anak² yang keluar sekolah tidak dapat melanjutkan pelajaran tinggi ini, bila sampai frustration orang bumiputra ini kepada kemunchak-nya kelak mereka ini merupakan satu ang-katan besar yang akan keluar ka-jalan² raya beramai², saperti yang di-lakukan

oleh KAMI di-Indonesia dan pada masa ini mengambil dan menjalankan undang² ka-dalam tangan mereka sendiri dan memaksa perusahaan² mengambil anggota² mereka masuk bekerja dan ini akan di-sanggah tentu-lah oleh pihak pengusaha, maka berlaku-lah apa yang kita takuti bersama.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang di-minta oleh Rang Perbekalan Tambahan ini ia-lah peruntukan untuk Angkatan Belia Pelupor dan saya juga sangat suka mengalu²kan permintaan ini dan menyokong-nya dengan kuat. Ini satu usaha dalam membentok dan mendidek pemuda² dan belia kita. Belia kita pada masa ini, Tuan Yang di-Pertua, dalam satu proses perlahan yang sangat merbahaya. Pada masa ini tidak sangat ramai bilangan anak² muda kita—yang kita tengok di-jalan² di-merata² tempat dengan potongan rambut beatles-nya, dengan seluar ketat-nya yang lebih ketat daripada kain ketat orang perempuan, yang dengan kening dan alis-nya yang bertaji, dengan kuku-nya yang berchat dan bermacam² chara, hasil daripada semangat atau pun timbul daripada keadaan² pengaruh² luar yang telah masuk menyerap kepada angkatan belia kita pada masa ini. Pengaruh, boleh jadi pengaruh wayang gambar, boleh jadi pengaruh buku² yang boleh di-katakan yang saya tengok di-Kuala Lumpur ini sahaja bahkan di-bandar² lain di-Malaysia ini, pergi-lah mana kedai² buku, akan di-dapati bersepah² segala jenis buku sex dan super sex yang ada di-kedai² ini yang menjadi bahan bacaan dan yang menjadi kitab dan Quran kepada belia kita yang pada masa ini. Jadi daripada ini-lah timbul-nya angkatan², walau pun tidak sangat ramai tetapi sa-bilangan yang bertambah² pada masa ini.

Saya merasa suatu perhatian yang berat harus di-beri kepada belia² ini kalau tidak revolusi belia yang sedang berlaku pada masa ini akan menempoh suatu masa yang gelap untuk masa depan bagi negara kita. Biar-lah revolusi belia yang berjalan pada masa ini merupakan revolusi membawa kepada kebaikan dan kebajikan kepada negara kita ini, saya harapi di-awasi-lah buku² yang sa-bagai ini.

Saya tahu baharu² ini, menurut berita-nya, sa-buah majallah luhah kata-nya hendak di-haramkan—Majallah Playboy. Lepas dua hari, bache surat khabar kata sudah di-releasekan pula—di-lepaskan, di-benarkan pula. Ini-lah jenis² sa-bagai ini yang lebih dahshat daripada ini yang kita dapati bersepah² pada masa ini di-kedai² buku² kita. Ini-lah pengaruh² yang harus kita kawal. Kalau kita memberi perbelanjaan beratus ribu ringgit untuk membentok Angkatan Belia Pelupor sedangkan di-satu pihak lagi kita biarkan penyakit dan rachun ini datang bersepah² di-serata jalan dan di-serata penjuru, akan sia² juga usaha kita ini dalam membentok pemuda dan belia kita dalam Angkatan Belia Pelupor.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh sedikit berkenaan dengan soal FAMA dan saya rasa sekarang FAMA telah memulakan, menjalankan tugas-nya dan menjalankan penyiasatan-nya dan kita semua berharap bahawa FAMA akan dapat memberi suatu usaha yang baik dalam membimbing pemasaran hasil-mahsul orang² luar bandar. Tetapi ada satu gerakan yang tidak sehat berlaku pada masa ini oleh gulungan² capitalist—gulungan orang tengah—yang tidak suka melihat perkembangan yang baharu ini. Sekarang harga padi, FAMA menjalankan padi dahulu, harga padi dahulu harga Kerajaan \$16.00. Pada masa ini di-satengah² tempat kawasan padi, ada orang² tengah menawarkan harga \$17.00, sa-tengah-nya \$17.50 sa-mata² kerana hendak menarek penanam² padi ini supaya jangan memandang dan menaruh harapan kepada FAMA, dan besok bila penanam² padi hanya pergi kepada mereka, akan menurunkan harga padi sampai \$11.00 kadang² sampai \$10.00.

Saya rasa dan saya nampak jalan untuk kita menolong petani² kita itu berjalan barangkali banyak orang yang tidak suka, tetapi saya nampak untuk hendak menyenangkan daripada confusion dan complication yang akan timbul, hanya bagi FAMA ini menjalankan pembelian padi sa-chara monopoly—sa-chara ini sahaja. Dengan chara ini berjalan supaya pembeli padi hanya, bahkan FAMA sahaja, dengan

tidak ada lain lagi. Ini saya nampak satu jalan yang boleh kita kena ikhtiar jalan ini, kalau tidak akan mendatangkan berbagai² kesulitan yang di-timbul-kan oleh orang² tengah yang tidak akan mendiamkan diri dengan lang-kah² Kerajaan yang hendak menolong dengan sa-chara bersunggo² petani² yang sa-lama ini di-perah dan di-pintas oleh mereka.

Satu perkara yang saya suka hendak mengingatkan ia-itu FAMA ini boleh jadi rosak oleh suatu perkara yang harus kita sedari dari sekarang. Dahulu masa RIDA, RIDA telah membuka kilang² getah dan kilang² getah—entah berapa banyak di-buka di-seluruh Tanah Melayu—hampir semua-nya gagal. Pada saya kegagalan ini kerana pegawai² yang menjalankan kilang² getah itu buat kerja sa-bagai orang makan gaji sahaja, jadi getah di-beri pun tidak sa-berapa, akhir-nya rugi. FAMA pun kalau tidak di-jaga akan menjadi demikian juga. Bila pegawai² FAMA yang menjalankan pembelian padi ini, masa dia bekerja, dia pegawai Kerajaan, apa sangat. Bukan rugi untong tanggungan atas kepala dia, dia tidak kira yang padi di-beli ini hampa-nya 10%, 8%, dia pakai ambil sahaja. erti-nya Kerajaan menanggung rugi, lama kelamaan maka tentu-lah kelak FAMA ini akan mempunyai nasib yang sangat kita tidak ingini. Saya berharap perkara ini hendak-lah di-sedari oleh pihak yang bertanggung-jawab, oleh FAMA, supaya penyakit ini tidak akan membunuh FAMA sa-belum lagi FAMA dapat menunjukkan jasa dan bakti-nya kepada masyarakat.

Saya hendak menyokong—dua hari yang lepas ada rakan saya daripada Krian Darat—menyebut sedikit hal padi ini meminta di-pindahkan soal penetapan harga padi daripada Kementerian Perdagangan kepada Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama, supaya senang-lah dan selaras-lah segala kerja² ini dan saya menyokong-lah seruan itu dan saya tegaskan lagi, ini-lah suatu jalan yang lebeh memudahkan FAMA berjaya dari tugas-nya ia-itu memindahkan kuasa menetapkan harga padi daripada Kementerian Perdagangan dan Per-

usaha-an kepada Kementerian Per-tanian dan Sharikat Kerjasama.

Akhir-nya sa-kali, Tuan Yang di-Pertua, tadi saya geli hati mendengar Wakil daripada Batu mengecham hebat Menteri Kewangan sendiri kerana kata-nya membeli kereta baharu. Saya geli hati ini kerana saya tahu betul², barangkali Ahli daripada Batu pun tahu, kereta yang lama yang di-guna-kan oleh Menteri Kewangan ini umor-nya lebeh daripada enam tahun. Barangkali kita tengok taraf Menteri menggunakan kereta yang sudah lima enam tahun umor-nya pun tidak sampai hati, tetapi oleh kerana Menteri ini menjaga kewangan betul², dia tidak mahu tukar kereta. Barangkali kereta itu tidak boleh di-pakai lagi maka baharu-lah tahun ini dia menukar kereta, itu pun menjadi modal besar sangat kepada Ahli daripada Batu ini. Barangkali kehendak dia betul²—Ahli daripada Batu—kehendak dia, biar-lah semua Menteri² dan Menteri Kewangan ini naik basikal baharu-lah dia senang hati. Pada hal dia sendiri naik kereta Mercedes yang paling besar dalam Kuala Lumpur ini atau sa-elok²-nya barangkali biar dia hendak senang hati, biar semua Menteri² ini naik kereta lembu kerana Ahli daripada Batu simbol Parti-nya pun lembu dan kereta lembu.

Jadi sampai di-sini sahaja-lah, Tuan Yang di-Pertua terima kaseh.

Tuan Ong Kee Hui (Sarawak): Mr Speaker, Sir, the Honourable Member for Batu has referred to the extravagance of the Government as shown by the items which appear in the Supplementary Estimates which we are considering. Whilst I do not necessarily agree with him in what he says, it would appear that there are, possibly, instances of extravagance as shown by the Estimates which come before the House, and I hope that the Honourable Minister of Finance would put his foot down and try and curb some of these extravagances to which the Honourable Member has referred.

The Honourable Member for Kota Star Selatan has attacked the Members of the Opposition rather indiscriminately and, I think, quite unfairly on

the subject of promotions in the Civil Service, which was raised in the House by way of Questions, and he accuses us of being racist and fermenting racial feelings. I think the Honourable Member for Kota Star Selatan is not quite fair. Whilst we agree with him that the imbalance, as shown by the figures which he has quoted of members of the Civil Service coming from various racial groups, should be redressed—and this fact, I think, is recognised by the framers of the Constitution of the old Federation of Malaya, in that certain safeguards are laid down—I think he misses the point at issue, which is not that the Opposition is against the redress of the imbalance as shown by the various figures which he has quoted, but that we are very concerned with the fact that certain cases which have come to light may have shown a policy, maybe not wittingly, of discrimination against a certain section of the people. We are very concerned with this, because nothing is more conducive to undermining the morale of the Civil Service than a policy of discrimination against any section of the community. I think once entry is assured in the Civil Service, promotions should be by merits and merits alone and that we should not subscribe to a policy of discrimination in any form. This House has from time to time heard Honourable Members express sentiments of abhorrence against the policy perpetrated by the Government of South Africa and, I think, we should therefore not ourselves be accused of practising a policy of racial discrimination. I think this is a point which we wish to make and it is a point which, I think, the Honourable Member for Kota Star Selatan has missed in his submission.

The point, again, raised by my honourable colleague from Sarawak was concerning the subject of registration for citizenship, and also the matter of national registration for new identity cards which has been introduced in Sarawak. There again, Sir, it is very important that whatever the Government does, is not open to accusation of discrimination. I have, in fact, Sir,

raised this matter in a question which I submitted to the House, but which has stood over, and this is on the subject of registration which I shall deal with when the House is in Committee.

The other point which the Honourable Member for Kota Star Selatan raised was that we profess to be socialists and yet we do not seem to agree to a scheme whereby the “have-nots” could be allowed an opportunity to better their economic position. I think this is quite an unfair statement, because when schemes and proposals for MARA, FAMA and other measures which the Government introduced in this House came before the House, none of us, I think, in the Opposition opposed such measures. In fact, we expressed welcome. Our only concern was that such measures or schemes should really be effective and should help the broad mass of the community and not merely have the effect of replacing one privileged class by another privileged class belonging to another racial group. The important point is that should we wish any scheme for improving the economic position of the *Bumiputras* it should reach the broad mass of the people and not only a privileged few. That, Sir, is our main concern. We accept the fact that poverty is no respecter of race or person and that a scheme should be introduced which should benefit not only a privileged few but the broad mass of the people.

My Honourable colleague from Sarawak referred to our concern over the fact that at this stage not much progress would appear to have been made in the arrangement for the machinery for election in Sarawak. Whereas provisions in the Estimates have been made for a sum of money to cover the setting up of machinery for election in Sabah, nothing seems to appear in the case of Sarawak. In view of the fact one of the Articles of Agreement between Malaysia and Indonesia is arrangement for an early election in the Borneo States, we are rather concerned that so far no statement has been made as to what arrangements are being made in the

case of Sarawak for the setting up of machinery for election. I would urge the Government to consider this seriously because there is a good deal of concern in Sarawak over this matter.

The other point which has been touched on briefly before was on the question of the registration of societies under the new Societies Act. This has given rise to a good deal of concern and difficulties. There are obvious anomalies which have arisen, and I would urge the Minister concerned to look into this matter for certain societies, particularly mutual aid society, to be able to comply with the new Act.

Under Head S. 24—Treasury General Services—an item appears which provides for compensation for fire-crackers which have been surrendered to the Government. I have raised a question on this particular subject, Sir, and that is, there are, apart from fire-crackers, guns and ammunitions which have been taken over by the Government and up to now no arrangement for compensation has been made. I would urge the Minister of Home Affairs to look into this matter and make provision for such compensation.

Finally, Sir, there appears an item which rather startles me in view of the questions on spies, *mataharis*, which arose out of a question which had been raised by the Honourable Member for Batu—an item appears under Head S. 24, sub-head 54, for Secret Service—\$4 million. This is to supplement a provision which has already been made for \$3,600,000, which has been found to be inadequate and provision is now asked for a sum of \$4 million to take care of expenditure for the remaining few months of this year. The Treasury Memorandum is not very enlightening on this point, have we, in fact, got a very big organisation and have we a lot of “007s” going around in our Secret Service. There are other points, Mr Speaker, Sir, which I shall raise when the House is in Committee. Thank you, Sir.

Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim (Jitra-Padang Terap): Tuan Yang di-Pertua, membahathkan perkara Rang

Undang² Tambahan ini pada dasarnya maka di-sini ingin saya bersama² mengambil bahagian yang akan saya tujukan kepada Kementerian Kesihatan ia-itu satu, saya ingin tahu berhubung dengan tuntutan kenaikan gaji oleh Persatuan Bidan lebeh kurang dua tahun dahulu, sa-takat mana-kah rundingan dan pertimbangan telah di-buat di-atas tuntutan mereka itu; dua, di-dalam memberi pertimbangan jangan-lah di-ukor pada kelulusan pelajaran dan kebolehan yang ada pada bidan² itu sa-bagai ukoran, tetapi sa-lain dari itu hendak-lah diberi pertimbangan atas kerja²-nya juga. Kerja bidan susah dan berat tanggongannya terutama yang mereka bekerja di-klinik Kerajaan di-luar² bandar.

Tuan Yang di-Pertua, tahu-lah tengah malam di-kejut, di-jemput, berkehendakkan tenaga-nya kerana ada isteri² hendak bersalin di-kampung². Perjalanan kenaikan yang dilalui, yang di-tompangi oleh mereka tidak-lah menyenangkan; merbahaya yang banyak bagi mereka.

Sa-lain daripada kerja yang biasa membidan isteri yang hendak bersalin, mereka pernah di-suroh membuat kerja² yang patut di-buat oleh Penolong Jururawat dan kerja Amah pun pernah mereka buat oleh sebab ada sa-tengah² tempat yang mereka berkhidmat kekurangan Amah dan Penolong Jururawat.

Usaha Kementerian ini dalam membaiki dan menaikkan gaji kepada Penolong Jururawat saya ucapkan terima kasih dan di-harap di-segerakan usaha perundingan dan tuntutan yang di-kemukakan oleh Persatuan Bidan itu jangan menjadi kebiasaan pehak Kerajaan ini selalu membuat pertimbangan bertahun² maseh dalam pertimbangan juga lagi. Terima kasih.

Tuan Tan Toh Hong (Bukit Bintang): Mr Speaker, Sir, in rising to support this Bill, I would like to talk on two problems. The first problem is about one section of the have-nots—the hawkers.

Mr Speaker, Sir, recently it was reported in the Press that the Kuala

Lumpur Municipality is to form a Hawkers' Control Force similar to that of Hongkong. Because very little details are given about the objectives of the proposed Force, this has caused a lot of unnecessary agitation, concern and fear of the future among the hawkers trading in Kuala Lumpur. Is this Force meant to drive away all the hawkers from all the streets of Kuala Lumpur, or is the Force solely meant for the mass arrest of hawkers? All these unanswered questions have made the hawkers feel that their livelihood, already restricted, is to be destroyed.

Sir, thousands and thousands of hawkers in Kuala Lumpur take up hawking as an occupation, because this is practically the only way in which, with a little borrowed capital, these poor people can earn a living and make a profession of it. In fact, with the difficulty in finding employment in offices, in shops, in factories, etc., this is only one of the few professions left for these people to seek a livelihood. Besides, most hawkers have large families and by working together their children can also contribute to the family efforts. Sir, they are merely earning a decent living by their own sweat and labour and they would be only too happy to co-operate with the authorities. What they ask for is very simple—that is, the Municipality should provide them with suitable alternatives and a just and proper system in which they can carry on their trade. As a matter of fact, the Kuala Lumpur Hawkers' Association has promised that the hawkers are only too happy to work together with the Municipality and to supervise themselves and to restrain themselves to trade within legally marked lots in the streets. In addition, the Selangor Alliance Hawkers' Sub-Committee has suggested a number of long-term and short-term solutions.

Sir, sometime ago, the Kuala Lumpur Municipality has announced a project to build hawkers' emporiums in congested popular areas to provide hawkers with alternative places to trade in. This is a good and positive approach and I would like to congra-

tulate the Municipality for it. However, to date hawkers' emporiums have yet to be built. I, therefore, would like to appeal to the Honourable Minister of Local Government and Housing to use his good office to ensure that these emporiums are built as early as possible and that the legitimate trade opportunities of the hawkers will not be suppressed, restricted, or denied to them. After all, Sir, they are also at the same time providing a very useful service to the public in the distribution of goods and food, at a competitive price, to a large number of individual consumers in the city.

The other problem, Sir, that I would like to bring to the attention of the Minister is the problem of flooding in Kampong Loke Yuen, which is inhabited by some 10,000 people. After each rainfall, large areas of the kampong are subjected to flooding, and the stagnant water is giving a lot of discomfort to the people—the smell is really obnoxious. In addition, the stagnant water is an ideal breeding ground for mosquitoes. I understand the fundamental problem is the big drain called the Main Pudu Cut. This big drain cuts across Kampong Loke Yuen from Circular Road, across Pudu Road, and flows towards Sungai Kerayong near the old airport. In many places this drain, the Main Pudu Cut, has been silted up to a depth of four or five, year after year, with rubbish and earth, particularly along that section from the Imbi Road area to the Majestic Theatre—the section that cuts across the kampong. I understand that the Municipality as a result of a request by me has commenced desilting, and I would like to take this opportunity to thank the Municipality. However, even with desilting the problem is not yet fundamentally solved. The main solution lies in the enlargement of this big drain, the Pudu Main Cut, as it is too small. It has to be considerably enlarged, particularly those culverts and drains under the roads and highways. I understand also that the Engineering Department of the Municipality had prepared plans and

estimates to solve this problem some long time ago, but the question is lack of funds. I, therefore, would like to appeal to the Honourable Minister to ensure that funds are provided for this project. This is an urgent problem, Sir, as there are a lot of residential flats, shops, schools, including an Indian Temple, in the area inhabited by some 10,000 people. Thank you Sir.

Mr Speaker: Persidangan ini ditampohkan.

Sitting suspended at 5.25 p.m.

Sitting resumed at 5.45 p.m.

(Mr Speaker in the Chair)

Debate resumed.

Mr Speaker: Saya suka hendak mengingatkan kepada Ahli² Yang Berhormat, ada-lah pada pukul 7 petang ini, saya akan menamatkan perbahathan di-atas bacaan kali yang kedua Rang Undang² ini. Jadi, kalau bagitu, saya minta Ahli² memendekkan ucapan-nya sa-berapa yang boleh, supaya lebih banyak lagi boleh berchakap. Saya mulakan daripada sabelah sini.

Tuan Hussein bin To' Muda Hassan (Raub): Dato' Yang di-Pertua, untuk menghormati peringatan Dato' Yang di-Pertua, saya chuba membuat dalam tiga minit sahaja. Saya menyokong Rang Undang² yang di-kemukakan oleh Kementerian Kewangan berkenaan dengan tambahan wang bagi perbelanjaan tahun 1966 ini. Apa yang saya hendak ingatkan kepada Kementerian ini, pada tiap² tahun Supplementary Supply sentiasa-lah di-bawa ka-dalam Dewan ini untuk meminta di-luluskan, kerana tambahan perbelanjaan pada tiap² kepala pejabat yang di-jangka tidak chukup di-dalam estimate yang asal.

Apa yang saya hendak tegaskan di-sini, Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan ada satu buku ia-itu Atoran Peratoran Financial General Order. Dalam perlaksanaan perbelanjaan, terpaksa-lah belanja² yang kita belanjakan itu hendak-lah mengikut Peratoran

Tetap yang ada dalam Financial General Order. Tiap² kali datang ka-Dewan ini, ada-lah di-bentangkan penyata² daripada Auditor-General, maka di-situ banyak-lah penyata yang pejabat² tidak mengikut Peratoran saperti Financial General Order bagini, bagini, bagini. Maka apa yang saya harapkan Kementerian ini, tegoran² Kementerian Kewangan ini kepada Kementerian lain yang bersangkutan, apa yang di-tegor oleh Auditor-General itu hendak-lah di-laksanakan, atau pun jangan-lah di-abai²kan. Bagaimana saya dapat tahu, saya bacha dalam Audit Report dalam tiap² negeri menyatakan pinjaman kerana membeli kenderaan untuk faedah orang itu menjalankan tugas-nya, tidak mengikut bagaimana kehendak Financial General Order.

Bagaimana yang saya tahu sa-saorang itu apabila meminjam duit kapada Kerajaan kerana hendak membeli kenderaan motokar, sa-patut-nya grant motokar itu mesti di-letakkan ka-pejabat yang berkenaan, atau pun kapada State Secretariat dengan resit harga motokar itu sa-kali. Apa yang saya dapati, hal ini tidak ada di-buat langsung. Financial General Order ini hendak-lah di-jalankan bukan tingkatan Federal sahaja, malahan hendak-lah di-jalankan di-negeri² pun, sebab apa, Financial General Order Kerajaan yang memerintah pada hari ini, maka saya dapati negeri² pun tidak menjalankan perkara yang di-kehendaki oleh yang tersebut dalam Financial General Order itu. Jadi, kalau sa-kiranya Ahli² Dewan ini semua-nya Wakil Ra'ayat tidak menjaga bagaimana duit² ra'ayat itu di-belanjakan atau di-gunakan, maka ta' akan saya hendak kata Ahli² Dewan Ra'ayat ini berdosa kapada ra'ayat—berat sangat, tetapi hanya ta' bertanggung jawab kapada ra'ayat, ta' mengikut atoran peratoran yang di-tetapkan oleh Kerajaan.

Maka saya harap Kementerian Kewangan sa-bagai Kementerian yang bertanggung jawab berkenaan dengan kewangan negara kita ini, segala peratoran² tetap yang ada dalam Financial General Order itu mesti diikuti. Jangan-lah di-pandang, jikalau,

Ahli² yang di-pilih oleh ra'ayat yang agak berkuasa sedikit pada masa sekarang tidak hendak di-ambil berat berkenaan dengan penggunaan wang ra'ayat. Tetapi saya tahu Ahli² Parlimen, baik daripada sa-genap Parti², Ahli Parlimen ini tidak ada di-benarkan meminjam wang Kerajaan untuk membeli kenderaan untuk masing². Tetapi Kerajaan Negeri ada berbuat. Tetapi Kerajaan Negeri tidak mengindahkan Financial General Order. Saya harap ini pun satu tanggungjawab kepada Kementerian Kewangan jua.

Dalam Bill ini ada dalam Head 34—Royal Malaysian Police, di-kehendaki tambahan lagi \$1.2 million. Di-sini, saya suka hendak menarek perhatian Dewan ini—saya beri penoh kepujian di-atas kecekapan Polis kita, baik daripada Polis biasa, Police Field Force, Police Riot Units, kerana telah menjalankan tugas-nya yang sa-benar² untuk mengamankan negara kita dan menjalankan Undang² yang di-luluskan daripada Dewan ini. Apa yang saya hendak terek perhatian di-sini, pegawai² polis bagi Field Force atau pun Riot Unit, ada pada masa terpaksa meninggalkan anak isteri-nya di-rumah di-mana tempat mereka bertugas pada awal-nya, pergi berkhidmat ka-sempadan² mempertahankan musuh yang hendak menyeludup ka-negara kita, maka saya dapati elaun² untuk anak isteri mereka itu tinggal, tidak ada peruntukan. Saya tahu dalam ashkar², baik di-udara, di-laut dan darat, apabila mereka itu bertugas di-luar, elaun untuk anak isteri mereka ada di-sediakan. Maka dalam hal ini, bagi pasokan polis daripada tiga jenis peringkat yang saya sebutkan tadi, tidak ada peruntukan untuk anak isteri mereka itu tinggal apabila mereka berkhidmat di-merata² tempat di sempadan atau pun di-Timor Malaysia. Sekian-lah, terima kaseh.

Tuan Geh Chong Keat (Pulau Pinang Utara): Mr Speaker, Sir,

Mr Speaker: Will you be brief?

Tuan Geh Chong Keat: Yes, I will. Mr Speaker, Sir, I rise to support this Bill. In supporting this Bill, I would

like to request for legislation and funds for increasing the activities of the Anti-Corruption Unit thus making it an effective force, which should be able to proceed on its own effectively, and, also to appeal for an increase in the pay of the Police and the Customs, so that we can be assured of action and honest law enforcement officers within those two Departments.

It is not common, Sir, to hear the law enforcement officers of the those Departments saying openly that their pay does not justify the risks undertaken by them. It would not be to the credit and improved efficiency of our Government, if it were to close an eye, while at the same time being aware of the malpractices of making collections from taxi drivers, hawkers, traders, gamblers, smugglers and transport operators in our big cities and States. I mention this, Sir, because the Government may not be aware of the whisperings and happenings. Because of this, our citizens and traders may suffer and they may have a certain resentment against the law. Therefore, I say that, if our Government is aware of this, it cannot afford to close an eye over these malpractices, which reflect on the integrity and efficiency of our Government.

Sir, I am sure Members of this House are very concerned over the cowardly assault on the Member for Bagan. This is a slap on the face of the Government and, particularly, the Police. Here is a Member who, without fear or favour, is doing his duty to the nation and his constituents to the best of his ability by maintaining the faith and trust which his constituents and the people of Malaysia have in Members of Parliament. How can such an atrocious act be allowed to happen in this civilised, democratic society? This is a matter which the Government must treat with top priority, and every available means should be utilised by the Police without reserve to apprehend the criminals, thugs, and the anti-society elements. Does this incident convey to this august House that smuggling organisations are getting very confident of the smoothness of their operations and that their

system is so efficient that after a certain degree of control by some members of the Customs, or the Police, they now can afford to come out boldly to put our parliamentary democracy to test by making this cowardly attack on a Member of Parliament in order to intimidate and prevent him from bringing up the issue of pig smuggling in Malaysia?

Sir, I am sure that Members of this House are very proud of the Member for Bagan because, in spite of this cowardly and bloody assault, he appeared in Parliament and discharged his responsibilities very honourably as an Honourable Member of Parliament should. Blood has now been drawn from a Member of Parliament, and this is the first time in the history of our nation that Government is being put to test by thugs, smugglers, and anti-society organisations. We, Members of Parliament, I am sure, are looking forward to see what steps our Government is taking to show that we have a Government, which is willing to uphold an efficient and honest administration with equally honest and efficient law enforcement officers and to upbraid officers, who have strayed, due to slackness, and fallen easy prey to quick and easy money and allowing our Members of Parliament to be intimidated by smuggling organisations, thugs and anti-society elements.

In this instance, Sir, it is unacceptable for the Police, or the Customs to say that they are not aware of the daily smuggling of two to three lorry loads of pigs from South Thailand to the west coast of Western Malaysia with receiving stations in Penang, Chemor and Kuala Lumpur. We have the assurance of the Prime Minister, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, that he would get to the bottom of it. We have full confidence in his assurance to protect the prestige of Members of Parliament and in upholding our parliamentary democracy. Sir, this is the first time that such a thing has happened, and I hope that every support will be forthcoming to give us strength to discharge our parliamentary duties.

Sir, speaking on the second subject, I would like to refer to the matter of finance. I would like to request the Minister of Finance to give us a clarification which would be of interest to investors in Malaysia. There seems to be some degree of uncertainty from a taxation point of view with regard to the position of London registered companies. A statement from the Government, whether favourable or unfavourable, will be of immense value to Malaysian investors. Sir, in view of this, I would like to pose a few questions to the Minister of Finance. In view of the fact that the Finance Bill has been passed by the British Government, it appears that tin and rubber companies in Western Malaysia, owned by London registered companies, will now have to pay a corporation tax or, in lieu of it, the Malayan Company Tax, and the 8sh. 2d. in a pound withholding tax to the British Government on the dividends paid out by these companies. Will the Government state what steps would be taken to protect Malaysian shareholders from paying the withholding tax because they are non-residents of the United Kingdom? If withholding tax has to be paid, can Malaysian shareholders get a full refund? If not, what percentage of the 8sh. 2d. can they get back? The withholding tax of 8sh. 2d. in a pound is the same as our income tax. Why should the non-residents of United Kingdom pay this income tax? That is the contention of our Malaysian citizens. The point is that if we have to pay the withholding tax we may get a small refund—maybe about six pence or a shilling—because the rate of income tax is so high in the United Kingdom that our whole income will have to be taken into account. Malaysian investors, at a conservative estimate, hold about ten million shares in London registered companies. As a result of the withholding tax, millions of dollars will have to be paid to the British Government. We should put a stop to it. The only way, if negotiations with the British Government are unsuccessful, is to pass legislation whereby all companies operating in Malaysia should be considered as Malaysian

registered companies for the purpose of taxation. The crux of the matter is that this move will not affect London investors. It will only protect Malaysian investors from paying a tax which they should not pay and put them at par with Malaysian investors in Malaysian registered companies. The intention is not to penalise foreign investors.

The second part, Sir, is this. Prior to the implementation of the Finance Bill of the United Kingdom in April last year, London registered companies enjoyed what was known as the O.T.C. (Overseas Trading Corporation) status. Malayan Company Tax was paid instead of the United Kingdom Company Tax. According to the interpretation of the Malayan Income Tax Ordinance, the payment of this tax is considered as payment to the United Kingdom Company Tax and therefore a foreign tax. No similar refund of the tax can be made as in the cases of Malaysian registered companies for income tax purposes. This is detrimental to the Malaysian investors in companies operating in Malaysia but registered in London. Will the Government consider payment of this Malaysian Company Tax not as a foreign tax, which in fact is really a Malayan Tax, so that Malaysian investors will take more interest in these companies which deal with the two most important industries in Malaysia—tin and rubber. It is useless, naturally, for those industries if most of the profits can go out of our country. Sir, as stated in the question, which I have just put up on the second part, the real fact is that the Malaysian Company Tax is paid to the Malaysian Government and not to the United Kingdom Government. It is, therefore, not a foreign tax. The heads of our Malaysian Income Tax Department are favouring the British companies with the intention of discouraging our Malaysians from buying shares in those London registered companies, and are protecting the foreign interests so that they can still control these companies. These tin and rubber companies registered in London have the best tin and rubber lands in Malaya and they pay comparatively

higher dividends than those industrial companies registered locally. Malaysians should be discouraged from buying these shares, if they wanted to. By buying these shares and deriving the dividends from them, they will be able to assist the country so that money retained in the country could be used for greater economic cause. Thank you, Sir.

Tuan Abdul Karim bin Abu (Melaka Selatan): Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong Rang Perbekalan Tambahan ini, saya suka-lah berchakap. Saya berharap bagi pihak Kerajaan apa yang telah di-buat khidmat oleh Kementerian Perkhidmatan Kebajikan 'Am di-negeri Kelantan kerana banjir yang telah di-kurniakan kepada orang² yang di-timpa kemalangan lebeh kurang \$4 juta. Ini juga patut orang² PAS ini berterima kaseh kepada Kerajaan Perikatan. Apa yang saya maksudkan bagi pihak Menteri ini patut-lah mengambil tahu ra'ayat kita yang ada di-Singapura. Ra'ayat kita sekarang, ra'ayat Malaysia, yang ada di-Singapura sedang di-tekan oleh Kerajaan Singapura. Patut sangat saya menhadangkan di-sini Menteri ini supaya dapat menyiasat dan memberi bantuan wang dengan sa-berapa yang boleh kepada ra'ayat kita yang ada di-Singapura yang sedang menderita sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu berhubung dengan Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama. Bagi pihak Kerajaan saya berharap-lah dapat memberikan peruntukan wang yang besar dalam Kementerian ini kerana Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama ini, pada pendapat saya, ada-lah satu daripada tujuan-nya hendak meninggikan ekonomi penduduk² luar bandar ia-lah di-salorkan kepada sharikat kerjasama, tetapi di-Kementerian ini sangat-lah berkurangan berhubung dengan kereta² penerangan dan lain² lagi yang boleh memberi propaganda kepada orang ramai. Jadi patut-lah Kerajaan dapat memberi peruntukan yang besar berhubung dengan hal Kementerian ini.

Kerana saya berpendapat apa yang telah di-buat oleh Kerajaan pada hari ini, FAMA, Bank Bumiputra, MARA, kita berterima kaseh kepada Kerajaan, tetapi saya berasa bimbang apa yang telah di-jalankan pada masa ini akan berchangah dengan sharikat kerja-sama. Pada hal FAMA belum tahu lagi apa sa-benar atau tidak bagi memberikan pertolongan yang jelas kepada ra'ayat. Tetapi saya berpendapat tetaplah memberi pertolongan kepada kaum tani, membela kaum tani apa yang telah di-terangkan oleh sa-tengah² rakan saya tadi. Tetapi bagi pehak FAMA juga hendaklah ingat kerana kalau silap menjalankan tugas, FAMA akan menjadi alat orang tengah nanti. Bank Bumiputra juga tujuan Kerajaan yang baik saya berharap bagi pehak Kerajaan memberikan kursus kepada Pegawai² Bank Bumiputra ini dapat memberikan penerangan kepada ra'ayat kita supaya chenderong menggunakan Bank Bumiputra ini.

Dato' Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu berhubung dengan Kementerian Penerangan dan Siaran—satu perkara yang mustahak dalam negeri kita ini, tetapi sa-tahu saya Kementerian ini juga sangat kekurangan serba serbi-nya. Saya berharap supaya dapat di-perluaskan lagi tugas² Kementerian ini, kerana kerja² Kementerian ini bertambah luas, bukan sahaja kerja-nya sudah sampai ka-Sabah dan Sarawak, tetapi di-seluruh dunia ini. Jadi kewangan hendaklah di-beri keutamaan kapada negeri ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: (Bangun).

Tuan Abdul Karim bin Abu: Tidak usah-lah, saya tidak hendak beri jalan, saya hendak lekas.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Untuk penjelasan kalau dia beri jalan. Jadi

Mr Speaker: Dia tidak bagi jalan.

Tuan Abdul Karim bin Abu: Tidak, saya tidak beri jalan. Pegawai² sangat berkurangan di-Kementerian ini dan alat² juga sangat berkurangan.

Dato' Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu saya suka-lah mengingatkan

Kementerian Buroh kerana pada hari ini, kalau tidak silap, Gabongan Kesatuan Sa-Kerja 'Umum telah mengadakan piket di-Kementerian Kewangan. Jadi baharu kita selesai daripada konfrantasi banyak badan² menuntut hendak naik gaji, itu dan ini. Masa konfrantasi kelmarin, dahulu, ada mereka² yang sa-rupa ini jauh lari daripada Kerajaan.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar supaya dapat di-buat perhitungan sa-mula berhubung dengan pembayaran hutang ahli² Rancangan Tanah FLDA yang sedang di-toreh getah-nya pada masa sekarang. Kerana bayaran-nya sangat tinggi kalau dibandingkan dengan rancangan rumah murah yang telah di-jalankan oleh Kementerian yang berkenaan.

Akhir-nya, Dato' Yang di-Pertua, saya tertarik hati dengan ucapan Wakil PAS tadi, dia telah berucap, dia menafikan apa yang dia sudah buat. Perkara yang di-ucapkan itu sudah menjadi dalam negeri Selangor dalam satu daerah orang² PAS sendiri telah berucap di-hadapan orang ramai, "jangan-lah hantar anak² ka-sekolah² Melayu kerana Sekolah Melayu sekarang sudah Keristian." Ini orang PAS berucap sebab di-katakan Keristian kerana Sekolah Melayu ini di-buka pada hari Juma'at. Ini orang PAS hendak menafikan. Inilah sahaja.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail (Perlis Selatan): Dato' Yang di-Pertua, saya bangun menyokong penoh-lah di atas Perbekalan Anggaran Perbelanjaan Tambahan ini dan di-samping itu, Dato' Yang di-Pertua, saya suka-lah menyentuh dua tiga perkara di-antaranya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Polis di-Raja Malaysia.

Dato' Yang di-Pertua, baharu² ini kita telah sama² mendengar bahawa satu kumpulan daripada Polis di-Raja kita telah di-serang hendak ia-itu dalam negeri Thai yang mana beberapa orang daripada kumpulan itu telah terkorban. Jadi oleh sebab yang demikian saya, sa-bagai sa-orang Wakil

Ra'ayat yang ada di-dalam Dewan ini, mengucapkan berbilang² ta'ziah kepada keluarga² mereka yang terkorban itu.

Bagitu juga kita telah sama mendengar bahawa Yang Teramat Mulia Tengku Perdana Menteri telah membayar wang sagu hati kepada keluarga² itu, tetapi Dato' Yang di-Pertua, saya suka-lah merayu lagi kepada Kerajaan Perikatan, khas-nya kepada Yang Teramat Mulia Tengku Perdana Menteri, supaya menambah lagi wang sagu hati itu dan mengawasi pelajaran anak² mereka yang telah terkorban itu. Jadi kerana pengorbanan mereka yang telah mengawali tanah ayer kita itu kalau kita hendak bandingkan dengan wang ringgit, maka sudah tentu-lah tidak dapat kita nilaikan. Jadi hanya apa yang dapat kita bayarkan kepada mereka ia-itu dengan budi pekerti kita untuk memberi pelajaran² kepada anak² mereka yang sudah tidak mempunyai bapa itu.

Yang kedua, Dato' Yang di-Pertua, berkenaan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri berthabit dengan perkara yang tersebut itu juga ia-itu negeri Perlis, bagaimana yang kita ma'alum sa-buah negeri sempadan, dan saya yang membimbangkan saya pada hari ini ia-lah satu tempat dalam negeri Perlis bernama Padang Besar dan di-sa-belah Padang Besar sana ada satu pekan yang mana tiap² hari minggu menjadi tumpuan pelancong² bagi seluruh Malaysia. Jadi keadaan di-situ belum mempunyai kawalan yang ketat dan kita bimbang juga oleh kerana perkara² letupan seperti pistol dan lain² lagi dalam negeri Thai itu boleh terdapat sa-bagaimana kita membeli kacang goreng. Jadi oleh hal yang demikian ada-lah sangat membimbangkan juga kepada kita—kerana boleh jadi bersama² pelancong² yang pergi ka-sana itu ada banyak barang-kali gangster juga yang mencari kesempatan dan mereka pergi ka-sana hanya pura² sahaja hendak melihat Padang Besar dan di-samping itu ada perhubungan. Jadi dengan sebab itu-lah saya merayu kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, dan kalau boleh-nya supaya Yang Berhor-

mat Menteri dapat melawat di-sana dan memerhatikan dengan sendiri supaya dapat mencari satu jalan bagaimana dapat kita jangan ada salah sangka di-antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Thailand dan dapat kita mencari satu jalan keselamatan bagi kita kedua² buah negeri.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh masalaah radio. Tentu-lah pada masa ini kita bangga bahawa perkhidmatan Radio Malaysia makin sa-hari sa-makin bertambah maju, tetapi bagi penduduk² di-dalam kawasan luar bandar barangkali banyak-lah juga yang belum mengerti kegunaan radio itu dan kebanyakan daripada mereka hanya membuka siaran² radio itu pada masa lagu². Jadi, dengan hal yang demikian chita² Kementerian Penerangan dan Penyiaran untuk memberi satu pengetahuan dan pelajaran, khas-nya kepada penduduk luar bandar, sudah tentu-lah tidak akan tercapai. Jadi, saya mengshorkan di-sini supaya Yang Berhormat Menteri Penerangan dan Penyiaran memikirkan ada-kah kemungkinan supaya di-dalam kawasan² luar bandar kita tubuhkan radio kelab, kerana saya tahu ada negeri² dalam Afrika yang mengadakan radio kelab, dengan ada radio kelab dapat mereka mengumpul-kan orang² yang punya radio yang membincangkan banyak perkara dalam hal yang tersebut. Jadi dengan jalan yang demikian dapat-lah perkhidmatan radio itu menjalar masuk ka-dalam urat saraf penduduk² kita yang tinggal di-luar bandar.

Pada akhir sa-kali, Tuan Yang di-Pertua, saya suka-lah hendak menyentuh berkenaan dengan Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama. Pada masa² yang lalu, saya sudah berchakap berkenaan dengan masalaah pertanian dan kerumitan pa' tani, khas-nya dalam negeri saya ia-itu negeri Perlis, dan pada hari ini saya tidak-lah hendak berchakap panjang lagi, kerana banyak rakan² saya telah berchakap berkenaan dengan pertanian ini. Tetapi harapan saya supaya FAMA ini dapat memainkan peranan yang penting di-dalam melaksanakan kehendak pa' tani. Jadi, saya bimbang

satu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya takut dalam FAMA akan di-champorkan ayam dengan musang. Ini yang membimbangkan saya. Jadi kalau dalam FAMA ini ada ayam, ada musang, sudah tentu-lah ayam itu akan berkorban. Jadi itu-lah sa-chara rengkas.

Jadi saya harap kepada Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama supaya menitekberatkan dan membuat penyelidekan dengan sahals²-nya supaya jangan ayam ini dikorbankan oleh musang, kerana dalam FAMA itu saya nampak banyak gulungan, ada pa' tani, ada kilang besar, ada yang lain² lagi, jadi banyaklah chara-nya. Jadi oleh kerana itu-lah saya kata jangan ada musang dalam FAMA itu. Kalau tidak ada musang boleh selamat pa'² tani, tetapi kalau ada juga musang maka masalaah² yang di-harapkan, yang di-nanti² dan ditunggu² oleh pa'² tani itu akan hampa.

Tuan Toh Theam Hock (Kampar):
Mr Speaker, Sir, I would like to make a few comments on the Registrar of Societies. Sir, the new Societies Act is causing undue hardship and concern to various mutual aid societies and many benevolent funds which were registered under the old Act. Sir, may I have this opportunity to inform the Honourable Minister that, subject to correction, not one mutual aid society or benevolent fund has been granted exemption to operate under the old terms and rules, in spite of the many appeals made and delegations sent to represent matters to the Honourable Minister and the Registrar of Societies. Sir, all the *bona fide* mutual aid societies and benevolent funds have appealed for consideration, but not one of them has been considered.

Sir, the new Act roughly specifies that not more than \$600 or 150 times of the rate of monthly subscription, whichever is the less, is to be paid to the nominee of the deceased. Sir, with all due respect to the Honourable Minister, we know that the Act is meant to curb all illegal and unsound mutual aid societies and benevolent funds, but I am sure he will agree with me that there are many mutual aid

societies and benevolent funds which are sound both in membership and in finance and which are well run in our country. These cater to the welfare, social and financial needs of the poor people in the rural and urban areas. Sir, these members are either too poor or overaged to join the expensive and sophisticated insurance companies, whose premiums are beyond their reach.

Sir, many of the mutual aid societies or benevolent funds have been in existence for over 30 years under various regulations and rules of the old Act. These societies have paid upon death sums varying from \$500 to \$2,000 or more. I personally know one of them, in Taiping, which has assets exceeding \$150,000. Sir, most of the money of the mutual aid societies or benevolent funds are invested in local banks and Government bonds and securities. I know from personal knowledge and experience that these societies have not only paid death benefits punctually but have also increased their assets yearly and they are managed by well-known people in the country.

Sir, the new Act, the 1966 Act, has limited all these payments to not more than \$600 or 150 times the rate of monthly subscription whichever is the less. The new Act permits the societies to appeal to the Honourable Minister to grant exemption to the societies to pay more than \$600, or to exempt the society from any or all of the terms and conditions of the new Act. But, Sir, upon application for exemption, the societies have been informed that the societies are not sound. They are told to get a certificate or report from an actuary to support the application for exemption. Sir, again, subject to correction, there is, I am told, not a single actuary in Malaysia except those actuaries attached to the Government or to a limited few large insurance companies. Sir, this being the case, Government should in all fairness supply and furnish to the societies the right to use the Government actuaries free of charge. Considering all these facts and circumstances, the Government should allow all the old mutual aid societies and benevolent funds to

operate under the old rules and regulations. The Government should, in fairness and equity, only restrict the new societies and bring them under the new Act. Sir, all the members, particularly the public, will be grateful if such a move is adopted, and I sincerely hope that the Honourable Minister will take the right step and grant exemptions to the old societies. Thank you, Sir.

Tuan Chew Biow Chuon (Bruas):

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa sangat² sukachita dan bertuah kerana saya telah di-beri peluang untuk berchakap di-dalam Dewan ini kerana ini ada-lah kali yang pertama saya berchakap di-dalam Dewan ini. Saya tidak akan mengambil masa yang panjang untuk berchakap, saya hanya ada dua tiga perkara yang ada bersangkutan paut dengan kawasan saya, ia-itu kawasan Bruas. Kerana pada masa sekarang orang² yang mempunyai peti talipon di-dalam kawasan saya di-Jajahan Dindings sangat-lah susah untuk memanggil tempat² yang jauh. Ini di-sebabkan kekurangan line talipon. Jadi mereka sentiasa kena menunggu sa-lama 20 minit atau sa-tengah jam baharu dapat layanan daripada pehak yang berkenaan. Mengikut ma'alumat² yang di-dapati ada perbuatan pilih kaseh berlaku di-dalam Jabatan ini. Oleh kerana itu saya meminta Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengambil perhatian yang berat di-atas hal ini supaya segala kesilapan dan kelambatan itu dapat di-perbetulkan.

Tuan Yang di-Pertua, kedua-nya saya hendak berchakap berkenaan dengan jalan raya ia-itu di-bawah Kementerian Pengangkutan. Dalam kawasan saya ada-lah sa-batang jalan raya dari Bruas sampai ka-Batu Hampar, jalan itu tersangat-lah bengkok-bengkok, dan muka jalan itu juga agak sempit oleh kerana itu kemalangan² jalan raya sentiasa berlaku di-masa² yang lampau. Jadi di-sini saya berharap Menteri yang berkenaan akan membaiki jalan itu serta membuat terus jalan itu supaya orang² yang menggunakan jalan itu dapat menjimatkan masa dan juga perbelanjaan-nya.

Yang ketiga, saya hendak berchakap ia-lah berkenaan dengan perselisihan yang timbul di-antara pukat² harimau sa-chara haram dengan nelayan² kechil di-tepi pantai ia-itu di-dalam kawasan saya—Pantai Remis. Dalam dua hari yang lalu banyak juga Yang Berhormat² telah berchakap dalam hal ini, tetapi saya juga suka mengambil peluang yang berharga ini berchakap sadikit sa-banyak berkenaan dengan keadaan dan kehidupan nelayan² kechil pada masa sekarang yang ada di-tepi pantai itu. Tuan Yang di-Pertua, semenjak perusahaan pukat harimau sa-chara haram di-adakan, kehidupan nelayan² kechil di-tepi pantai itu sangat-lah susah, mata pencharian mereka itu sa-makin lama sa-makin kurang di-sebabkan tempat² mereka itu telah di-cherobohi oleh pukat² harimau sa-chara haram itu. Pada masa yang lampau sunggoh pun Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama telah mengambil tindakan² untuk menangkap orang² yang menjalankan perusahaan pukat harimau sa-chara haram di-tepi pantai itu, tetapi ini tidak menakutkan orang² itu. Oleh sebab itu di-sini saya mengambil peluang yang berharga ini meminta Menteri yang berkenaan supaya mengambil langkah² atau tindakan² yang lebeh tegas dan berkesan supaya kehidupan nelayan² kechil yang berada di-tepi pantai itu, tidak terancam bahkan akan lebeh terjamin. Sakian-lah sahaja terima kaseh.

Tuan Haji Ahmad bin Saa'id (Seberang Utara):

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian sadikit dalam perbahathan Perbekalan Tambahan ini. Yang pertama saya ingin menguchapkan tahniah kepada Kementerian ini yang telah pun membentang kertas Bill ini dalam dua bahasa—bahasa Inggeris dan bahasa kebangsaan. Saya berharap Kementerian² yang lain pun akan mengambil chontoh supaya membentangkan Bill² kedua² bahasa ia-itu bahasa Inggeris dan bahasa kebangsaan supaya memudahkan ahli² Yang Berhormat yang tidak faham di-dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berchakap di-atas perkara Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri khas-nya

Polis di-Raja Malaysia. Saya menyertai ucapan Yang Berhormat wakil daripada Pulau Pinang Utara berkaitan dengan perkara yang terjadi kepada Yang Berhormat wakil daripada Bagan, yang mana dia ada-lah sa-orang sahabat karib saya dan saya berharap pihak Polis akan mengambil tindakan yang sewajar-nya untuk menjauhi daripada berlaku-nya perkara ini kepada Ahli² Yang Berhormat yang lain dan saya berharap-lah supaya dapat Polis menangkap orang yang melakukan satu pencherobohan terhadap sa-orang Wakil Ra'ayat.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berchakap di-atas dasar buangan daerah ia-itu orang² yang di-anggapkan sa-bagai orang jahat. Per-kara ini sa-makin lama sa-makin rumit, Tuan Yang di-Pertua. Kerana orang² buangan ini di-buangkan kepada tempat² yang tidak ada orang jahat, manakala sampai orang ini di-buang ka-sana di-dapati orang² yang baik di-kawasan itu terlibat dan menjadi jahat. Yang aneh-nya, Tuan Yang di-Pertua, kira-nya ada satu kejadian churi atau rompak atau pun samun di-kawasan itu Polis terpaksa menyiasat dahulu sama ada orang buangan itu ada di-rumah-nya atau tidak ada, baharu-lah mereka ini pergi ka-tempat kejadian samun, rompak dan kechurian. Jadi manakala Polis sampai atau Pegawai² Polis sampai ka-tempat kejadian ini, maka orang yang melakukan kechurian, rompak dan samun sudah hilang daripada tempat itu. Jadi saya harap-lah supaya Kementerian ini mengkaji sa-mula di-atas dasar buang daerah ini dengan mengadakan satu tempat khas bagi sa-sabuah negeri supaya mereka ini di-tempatkan di-satu kawasan yang mana dapat Polis mengawal mereka itu dan, kalau ada, pekerjaan² di-sekeliling tempat itu, di-beri mereka itu kerja untuk mendapat nafkah atau sara hidup mereka itu. Buat masa sekarang ini manakala mereka ini di-buang pada tempat yang baharu mereka tidak tahu chara² hendak menchari nafkah mereka, maka terpaksa-lah mereka menjalankan urusan² atau kerja² yang berlawanan dengan undang² Kerajaan.

Ada satu perkara yang saya harap Yang Berhormat Menteri akan mengambil perhatian, orang yang di-shaki jahat ini kadang²-nya tidak ada tempat yang hendak di-buang mereka itu, ada sa-orang yang bernama Enche' Abdul Aziz bin Awang yang dudok di-dalam penjara sa-hingga hari ini—sa-lama 8 bulan. Jadi saya berharap-lah supaya Yang Berhormat Menteri mengambil perhatian atas perkara ini kerana dia ini ada-lah orang yang di-shaki melakukan satu perbuatan jahat. Tudohan terhadap-nya mula² ada-lah di-atas section 324 kemudian itu manakala di-bicharakan di-turunkan section itu kepada section 323. Saya sendiri berfikir sa-telah pun di-turunkan kepada section 323 ini dia akan di-bebaskan tetapi malang-nya sa-hingga hari ini beliau maseh lagi di-tahan dalam penjara menunggu konon-nya tempat atau daerah yang hendak di-terima oleh Tuan Pegawai Daerah atau pun Polis bagi kawasan itu. Jadi saya berharap perkara ini dapat di-kaji sa-mula supaya pegawai² Polis pun dapat menjalankan tugas mereka itu lebeh baik lagi daripada sa-masa ka-samasa dengan tidak payah menyiasat orang itu ada di-rumah sa-belum pergi ka-tempat kejadian rompak dan samun sa-bagaimana yang di-sebutkan tadi supaya dapat mereka ini menangkap orang² yang melanggar undang² dengan sa-chepat mungkin.

Sa-perkara lagi yang saya ingin berchakap, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah mengenai Ranchangan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Bagaimana yang kita sedia ma'alum bahawa Kerajaan telah pun menanamkan modal sa-banyak \$3.45 juta di-dalam perusahaan pokok—Besi Waja Malayawata. Apa-kah masaalah² mengenai peladang² khas-nya, ia-itu mengenai masaalah tanah. Jadi dalam perangkaan, sa-tahu saya ada sa-banyak 60% lebeh daripada peladang² kita yang tidak ada mempunyai tanah sendiri untuk hendak berusaha, sungoh pun Kerajaan, khas-nya Kementerian Pembangunan Luar Bandar, telah pun mengadakan Ranchangan Kema-juan Tanah dengan memberi tanah kepada orang yang tidak ada tanah.

Saya ingin mengshorkan supaya Kementerian ini adakan satu peruntokan untuk membeli tanah atau ladang² yang besar² dan di-berikan kepada peladang² yang tidak ada tanah dengan sa-chara hak milek ekonomi. Kata-lah sa-orang peladang di-berikan sa-luas 5 ekar untuk satu keluarga dan dengan membayar beransor² sa-bagaimana dasar perumahan murah. Jadi jikalau, Kerajaan boleh adakan ranchangan perumahan murah dengan menguntokkan sa-banyak \$20 juta dalam tempoh 5 tahun ini, juga Kerajaan dapat menguntokkan wang sa-banyak \$3.45 juta untuk menjadi modal kepada perusahaan pokok, saya nampak tidak ada halangan bagi Kerajaan menguntokkan sa-kurang²-nya \$10 juta untuk membeli ladang² yang besar dan pechah²kan dan beri kepada orang² yang tidak ada tanah bagi pendudok² yang di-luar bandar, dan pendudok² yang di-tepi bandar atau pun Urban Areas yang kita dapati banyak mereka ini menumpang di-tanah² orang. Oleh yang demikian dapat-lah Kerajaan mengadakan satu ranchangan untuk membeli tanah dan memberi tapak rumah kepada mereka ini supaya mereka ini bayar dengan sa-chara beransor—sa-orang kata-lah 5 ribu kaki persegi dan dapat-lah dia sendiri membena rumah-nya di-atas tanah itu dan bayar kepada Kerajaan sa-chara beransor dan akhir-nya jadi hak milek-nya sendiri. Jadi dengan chara samacham ini dapat-lah orang² yang tidak ada milek tanah atau pun rumah dapat memilek sendiri dengan sa-chara bantuan daripada Kerajaan bagaimana ranchangan² yang lain. Sekian-lah Tuan Yang di-Pertua.

Mr Speaker: Saya hendak mengingatkan, ada 15 minit sahaja lagi.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, tidak chukup Quorum; ada 24 sahaja.

(Divisional Bell rung; House counted; 26 Members present).

Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Dato' Yang di-Pertua, sambil menyokong Rang Undang² Perbekalan Tambahan bagi di-luluskan ini, saya

gemar menarek perhatian sa-chara rengkas dengan masa yang telah di-berikan kepada saya ini, ia-itu saya chuba hendak menarek perhatian Dewan ini berhubung dengan Polis di-Raja. Saya menguchapkan ta'ziah kepada Polis di-Raja ini ka-atas anggota Polis kita yang telah menerima kemalangan bagaimana yang kita sedia ma'alum di-sempadan Siam itu. Di-antara anggota Polis itu termasuk sa-orang daripada pegawai Polis yang bernama Enche' Tech Boon yang dudok dalam kawasan saya.

Yang kedua saya menguchapkan tahniah ka-atas kecekapan Polis kita menentang rusohan dan memecahkan kumpulan haram dan ini juga saya harap semangat yang ada di-tunjokkan pada masa yang lalu itu akan di-teruskan, sebab kita menghadapi berbagai² rusohan atau pun kumpulan haram di-masa akan datang. Saya telah mendengar ucapan yang di-buat oleh Ahli Yang Berhormat daripada Batu walau macham mana pun memenangkan kumpulan haram yang telah di-tunjokkan-nya baharu ini. Saya memberi fikiran lain, Tuan Yang di-Pertua, wartawan dan jurugambar yang terlibat itu bukan-lah pehak Kerajaan bertujuan mengambil langkah terhadap mereka, tetapi harus di-timbangkan dengan halus. Waktu Pegawai Polis menghadapi satu keadaan yang maha hebat tidak berapa ramai tetapi tugas-nya ia-lah menjaga keamanan, menjaga nama baik Kerajaan Malaysia terhadap dasar Luar Negeri kita ini. Penangkapan ka-atas 3 orang tukang gambar ini, akhbar tempatan China pula dalam tunjokan perasaan itu menurut pandangan saya, mereka itu telah di-beri nasehat dan di-beri amaran tetapi terus juga berdegil bersama² dengan pehak kumpulan haram. Kalau di-perhatikan bukan-lah tangkapan itu atas nama akhbar, tetapi atas nama diri pemberita itu sendiri dan jurugambar itu sendiri menaruh simpati kepada kumpulan haram. Jadi saya harap kepada pehak shariat akhbar juga akan memerhatikan pemberita²-nya dan jurugambar-nya yang bekerjasama dengan kumpulan haram atau bekerjasama dengan Kerajaan² negeri luar.

Yang kedua, Dato' Yang di-Pertua, saya gemar menarek perhatian Kementerian Penerangan dan Penyiaran sejak Filem Negara kita mendapat bangunan baharu di-Petaling Jaya walau pun Filem Negara itu mengandungi penggambaran lawatan pembesar negeri dan kemajuan negara, filem ini juga di-bintangi oleh seniman dan seniwati yang pernah berlakun dalam filem² tempatan, menjadikan hampir sama mutu dengan filem di-panggung wayang dan bertambah pula lagi peminat² Filem Negara kita itu. Dalam menunjokkan kemajuan negara, saya harap Ketua Filem Negara itu akan menerima cerita filem yang di-buatkan oleh para sasterawan kita bukan sahaja orang yang bekerja dalam Filem Negara ini. Kita bukannya peluang kepada ahli² sasterawan kita yang ada dalam tanah ayer. Di-samping itu patut di-luaskan dalam chorak filem negara ini, sa-lain daripada kemajuan², di-tunjokkan dalam bidang pelajaran, kesihatan, pertanian, perikanan, perniagaan, pertahanan, keamanan, kemiskinan dan kekayaan serta lain² yang mana supaya benar² dapat ra'ayat ini menerima pelajaran walau sa-pintas lalu tetapi ada-lah sangat berkesan kepada masha-rakat.

Dalam bahagian nyanyian juga, saya nampak pada masa ini hanya di-bataskan dengan lagu² potong padi, padi malinja, selamat hari raya. Saya harap tolong sertakan dengan lagu² asli dan juga dengan lagu² yang ada berunsor kebudayaan Malaysia ini.

Dalam bahagian pelakun pula, saya nampak, patut di-tambah, bukan sahaja pelakun² yang terdiri daripada orang² bumiputera, tetapi di-beri peluang kepada orang² China Malaysia, orang² India, Malaysia atau pun orang² Dayak, orang² Dusun supaya dapat daripada tayangan film ini akan dapat membentok satu masyarakat Malaysia yang baharu.

Satu perkara yang gemar saya bangkitkan, Dato' Yang di-Pertua, ia-itu berhubung dengan pembangunan negara dan luar bandar. Saya chuma hendak menyentoh dalam perkara Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan. Sabagaimana kita sedia ma'alum. Ahli²

Yang Berhormat dalam Dewan ini telah menerima satu surat pekeliling daripada Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita, ia-itu Wakil² Ra'ayat yang hendak masuk dalam Rancangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan ini hendak-lah meminta izin, atau kebenaran daripada Pengurus² Ladang. Hal ini, Dato' Yang di-Pertua, kalau kita pandang sa-pintas lalu, ada-lah baik, tetapi sa-telah berjalan sa-lama tiga empat bulan, saya nampak beberapa kesulitan dan beberapa perkara yang tidak puas hati di-antara peserta² di-tempat itu, kerana daripada surat keliling ini peserta² yang dalam kawasan pilehan raya, tiap² Wakil Ra'ayat itu ta' dapat bertemu dengan Wakil² Ra'ayat-nya, atau pun kalau di-adakan pertemuan dengan ada-nya Pengurus² Ladang itu, mereka tidak dapat hendak menceritakan sa-ratus satu macham kesulitan yang di-hadapkan oleh peserta² itu, pada hal macham² kebajikan yang patut kita beri perhatian mereka pada segi kesihatan, pada segi persekolahan dan pada segi lain², tetapi oleh sebab pengurus² ini menganggap bahawa kuasa-nya ada lebeh besar, jadi segala kesulitan hendak-lah di-hadapkan kepada pengurus itu.

Kita bagi pehak Wakil Ra'ayat itu tidak sama sa-kali, erti-nya hendak merendah²kan usaha, atau pentadbiran yang di-buat oleh pengurus itu dan pehak kita sentiasa memberi sokongan dan pehak kita sentiasa gemar menengok Rancangan Kemajuan itu dapat berjalan dengan baik. Jadi, saya nampak system ini macham system ladang Eropah. Orang² Inggeris ladang-nya tidak di-benarkan orang² luar masuk, tetapi sa-telah kita merdeka ini, ladang² Inggeris itu di-benarkan-nya pula Wakil Ra'ayat itu datang bila ada panggilan² daripada penduduk² Islam, atau penduduk² dalam estate itu dalam sa-suatu perkara kebajikan. Jadi, saya nampak perkara ini, kalau boleh dapat di-tarek balek surat keliling ini supaya dapat-lah hampir peserta² itu dengan Wakil² Ra'ayat dan dapat-lah rancangan ini berjalan dengan baik.

Satu perkara lagi yang saya hendak menyatakan berhubung dengan ini

juga, ia-itu pengusiran terhadap peserta² dalam ranchangan Lembaga Kemajuan Tanah. Perusahaan ini ialah dengan sebab kesalahan² yang dilakukan oleh peserta itu, tetapi bila kita kaji ada sa-tengah tindakan yang di-jalankan itu tidak 'adil dan peserta² ini tidak dapat di-mana tempat yang hendak di-rayu, hingga mereka menulis surat kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita, dan ada yang menulis terus kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong memberi laporan ta' puas hatinya yang mereka itu di-usir daripada ranchangan itu. Oleh itu, saya nampak telah sampai-lah masa-nya menurut himat saya supaya di-adakan sa-buah Lembaga Rayuan yang Jawatan-kuasanya terdiri daripada ahli² Lembaga Kemajuan Tanah ini dan juga orang bebas supaya dapat peserta² ini membuat rayuan-nya di-pertimbangkan hal keduduk-nya.

Ini, Tuan Yang di-Pertua, sebab saya kata bila peserta itu masuk pada tahun yang pertama, pada tahun yang kedua sampai pada tahun yang keempat, di-ambil tindakan di-buang atau di-usir. Usaha-nya telah membangunkan dan meneroka hingga sudah mendapat hasil, tetapi pada akhir-nya mereka itu kena usir dan pada masa sekarang sa-tengah² daripada ranchangan ini telah ada yang mendapat hasil. Jadi, dengan ada-nya tindakan mengusir itu, maka rasa ta' puas hati kepada ra'ayat itu, rasa ta' puas hati kepada peserta itu ta' dapat dia meminta ke'adilan, melainkan kepada lembaga ini. Bila kita tengok lembaga ini ada sa-tengah²-nya menjalankan kerja dengan tidak begitu bertimbang rasa kepada peserta² itu.

Dato' Yang di-Pertua, saya berchakap sa-chara ringkas sahaja pada Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama. Ada satu usaha yang sangat baik di-buat, ia-itu melateh dan mendidek peladang² dan petani² dalam negeri ini dengan memasoki kursus pertanian di-Pusat² Pertanian dalam negara kita ini. Ini mendapat sambutan daripada ra'ayat di-luar bandar, bukan sahaja orang laki² bahkan juga termasuk orang pe-

rempuan, tetapi ada satu perkara yang saya minta pada Kementerian ini supaya memerhatikan keadaan ini. Kalau kita biarkan neschaya petani² kita, peladang² kita liar mereka hendak masuk ka-Pusat Pertanian. Apa perkara-nya yang menyebabkan dia liar, Dato' Yang di-Pertua, ia-lah peserta yang masuk kursus itu dirasok oleh jin. Saya hendak memberi gambaran dengan izin, Dato' Yang di-Pertua, ada satu berita dalam surat khabar.

Mr Speaker: Saya boleh izinkan, tetapi saya mengingatkan ada dua minit sahaja lagi!

Tuan Ahmad bin Arshad: Ya, ya. Tuan Yang di-Pertua. Jadi, bagini ayat itu; berita itu, Dato' Yang di-Pertua, mengatakan peserta² kursus wanita menjeret dan mengilai.

Peserta² kursus wanita di-Pusat Latehan Pertanian Gong, Batu 15, dari sini telah gempar bila mereka—beberapa orang rakan mereka menjeret, mengilai dan sa-tengah²-nya pula hendak lari daripada asrama itu. Kejadian ini bermula pada jam lapan malam. Apabila sa-orang daripada 20 peserta itu terasa pening, kemudian menangis teresak² dengan ta' sedarkan diri. Kawan² mereka chuba hendak menolong, tetapi bila mereka hendak menghampiri sahaja dengan sertamerta kawan² itu juga tak sedarkan diri—mengachau dan mengilai.

Kejadian ini, Dato' Yang di-Pertua, bukan jadi di-Kampar sahaja, bahkan terjadi di-kawasan saya di-Sungai Sudah, Muar. Perkara yang sa-macam ini, walau pun saya kata ada orang Melayu ta' perhayakan jin, tetapi kita orang Islam, Tuhan jadikan manusia dan jin, jin itu memang ada, dan walau pun cherita jin ini memang-lah saya mengambil bahagian. Saya minta Kementerian ini memerhatikan bukan sahaja

Mr Speaker: Saya tahu jin itu ada dua macham, satu dalam botol (Ketawa).

Tuan Ahmad bin Arshad: Ini tidak—yang di-luar botol! Dato' Yang di-Pertua, pada kesimpulan-nya yang saya

menarek perhatian ini, di-minta Kementerian ini memerhatikan Pusat Latehan ini tentang kebersehan-nya, boleh jadi peserta itu ramai sangat, atau pun tempat dudok-nya tidak bagitu berseh, timbul-lah perkara yang sa-macam ini, atau pun dari segi kita orang Melayu perchayakan pawang, tempat itu ada jin, suroh dia simah sa-belum daripada dia masok peserta² itu semua-nya supaya wanita² kita itu tidak-lah liar pada menerima kursus itu. Itu-lah sahaja, Dato' Yang di-Pertua, terima kaseh.

The Minister of Home Affairs and Minister of Justice (Tun Dr Ismail):

Tuan Yang di-Pertua, mula²-nya suka-lah, bagi pehak keluarga² orang Polis, baik daripada Malaysia atau Thai, yang dapat kemalangan baharu² ini di-Betong, menguchapkan terima kaseh kapada Ahli Yang Berhormat daripada Perlis Selatan yang telah melafadzkan ta'ziah-nya dalam Dewan ini. Bagaimana Ahli² Yang Berhormat telah ketahu² ia-itu Tunku Perdana Menteri sendiri telah berjumpa dengan keluarga orang² yang telah mati itu dan juga kapada orang² yang telah chedera dan telah memberi sa-banyak sadikit pertolongan kapada keluarga² mereka itu. Uchapan Ahli Yang Berhormat ini sangat-lah berlainan daripada ucapan yang di-datangkan oleh Ahli daripada Batu.

Sir, the Honourable Member for Batu in his speech said that I was a bit unkind to him, because, he had on many occasions praised the Royal Malaysia Police. Sir, I must admit that. But, if we analyse carefully the occasions on which he praised the Royal Malaysia Police, we would find that on those occasions there had been no conflict with his political views, or with his political activities, in the sense that when he praised the Police, there had been no conflict with the extremist elements in his Party. However, where Police actions are taken to disrupt the activities of the leftwingers in his Party, or the pro-Communists in his Party, then he has no hesitation in defending the acts of those pro-Communists and the leftwingers in his Party. It goes to show that the

Honourable Member cannot get the support of his Party unless he plays with his pro-Communists and the leftwingers in his Party.

Now, Sir, let us take, for example the way the Honourable Member treated this incident at Betong in which some of the members of the Royal Malaysia Police and some members of the Thai Border Patrol Police were either killed, or injured by the Communists. Now, Sir, instead of expressing condolence, as the Honourable Member for Perlis Selatan had done, he gloated over the fact that the Security Forces and the Special Branch, as he said, are now tired out and are complacent after manhandling teenagers in recent demonstrations. He said that there should be a shake-up within the Security Forces so that Malaysia, a country which has been successful to defeat militant Communism, will not be a laughing stock. In other words, Sir, he ridiculed these gallant men, who have died in fighting against the Communists who are threatening the peace and security of our country. He has the impertinence to suggest in this House that the money spent on the Central Intelligence Headquarters is inconsistent or incompatible with the flow of intelligence received. Now, Sir, who is he to judge the flow of intelligence at the Central Intelligence Headquarters? I, in my interviews with the Press, had given my own opinion that the incident at Betong was the result of the uneasiness of the Communists, because we had gained much intelligence about them since the establishment of this Central Intelligence Headquarters. This is, in fact, a tribute to the daring and brave men who died while doing their duty. Now, Sir, if he, as he says always has a high opinion of the Royal Malaysia Police, then I think he did not show it on this occasion when what we would like to hear from him is an expression of condolence for these brave men who have died in defending our country.

Sir, in saying that the money spent on the Central Intelligence Headquarters is not compatible with the flow of intelligence received, he does no good to the close co-operation, which

exists between us and the Thais. We must be very grateful to Thailand, because this Central Intelligence Headquarters is established on Thai soil, and we have very close co-operation with the Thais in regard to the gathering of Intelligence at the border.

Then, Sir, he goes on to say that ever since independence the Alliance Government has never allowed any form of demonstration to take place. Now, Sir, this wild sort of expression is an expression which one usually hears from a Communist—and this is another example of how a good man like him has gone astray, because of being closely associated with the pro-Communists in his Party. He knows very well that since independence there have been many public demonstrations. Even now you can see the trade unions, which are dissatisfied with the terms of service, demonstrating at the Federal House. So, he must indeed be a blind man, if he cannot see it for himself. He stated, in trying to preach, that public demonstration is a healthy form of expression and that if public feeling is corked up, it will one day blow up. Sir, if there are limitations on processions, then he has a share of blame in this restriction, because never once in this House has he ever condemned these illegal processions, some sponsored by his Party, some connived at by his Party, and some inspired by the Communists and making use of his Party as a tool.

